

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN SARAWAK

PENGURUSAN PROGRAM SUBSIDI TAMBANG BAS KADAR RATA RM1.00

LATAR BELAKANG


Program Subsidi Tambang Bas Kadar Rata RM1.00 (Bas Tambang RM1.00) telah diluluskan oleh Kerajaan negeri untuk dilaksanakan mulai bulan Mei 2020 hingga 2025. Di bawah program ini, Kerajaan negeri membayar subsidi kepada operator Bas Berhenti-henti (BBH) yang dilantik berdasarkan kaedah pengiraan yang ditetapkan. Melalui subsidi ini, penumpang hanya perlu membayar tambang bas RM1.00 bagi setiap perjalanan tanpa mengira jarak dan laluan. Golongan sasar adalah orang awam yang menggunakan pengangkutan awam darat di Sarawak.

OBJEKTIF

Mengurangkan beban kewangan penumpang bas harian

Memulihkan perkhidmatan bas sedia ada yang kurang memberangsangkan di Sarawak

Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam di bandar bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas.



AGENSI TERLIBAT

Kementerian Pengangkutan Sarawak (MOTS)

BANDAR UTAMA

Kuching, Sarikei, Sibul, Miri dan Bintulu

PERUNTUKAN & PERBELANJAAN

Peruntukan: **RM64.41 juta**

Belanja: RM54.99 juta (85.4%) sehingga 31 Disember 2023



PENGAUDITAN

Objektif Pengauditan

Untuk menilai sama ada pengurusan Program Bas Tambang RM1.00 telah dilaksanakan dengan ekonomik, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan

Mengurangkan beban kewangan penumpang bas harian

Memulihkan perkhidmatan bas sedia ada yang kurang memberangsangkan di Sarawak

Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam di bandar bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas

Skop dan Metodologi Pengauditan

2020 hingga 2023

Prestasi Pencapaian Program

Sasaran program dan pencapaian objektif program.

Pengurusan Program

Pengurusan kewangan, pelantikan operator BBH, pentadbiran perjanjian dan pemantauan.



PENEMUAN AUDIT

Rumusan

Objektif Program Bas Tambang RM1.00 untuk mengurangkan beban kewangan penumpang bas harian tercapai manakala objektif memulihkan perkhidmatan bas sedia ada yang kurang memberangsangkan di Sarawak tidak tercapai sepenuhnya. Bagaimanapun, objektif untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas tidak dapat dinilai kerana tiada pengukuran serta penilaian dibuat oleh Kementerian Pengangkutan Sarawak. Selain itu, pengurusan program dari aspek pengurusan kewangan, pelantikan operator BBH, pentadbiran perjanjian dan pemantauan tidak selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa. Secara keseluruhannya, objektif program tidak tercapai sepenuhnya.

Penemuan Utama

Sasaran Program

Bilangan Penumpang					
	Bilangan Penumpang	Peningkatan Bilangan Penumpang	SASARAN Peratus Peningkatan %	PENCAPAIAN Peratus Peningkatan %	
2020	1,113,146	-	-	-	
2021	2,509,237	1,396,091 	10	125.4	
2022	3,375,135	865,898 	10	34.5	
2023	4,329,654	954,519 	10	28.3	

Pencapaian Objektif Program

Mengurangkan Beban Kewangan Penumpang Bas Harian

Kadar tambang selepas subsidi adalah RM1.00 berbanding kadar tambang penuh antara RM2.30 hingga RM35.06

Memulihkan Perkhidmatan Bas Sedia ada yang Kurang Memberangsangkan di Sarawak

Dari aspek peningkatan bilangan penumpang telah tercapai bagaimanapun pada tahun 2021 hingga 2023, bilangan laluan menunjuk trend penurunan sebanyak 10.6%.

Menggalakkan Penggunaan Pengangkutan Awam di Bandar bagi Mengurangkan Kesesakan Lalu Lintas

Tiada pengukuran serta penilaian dibuat oleh MOTS terhadap kesesakan lalu lintas bagi 59 laluan diliputi untuk Program Bas Tambang RM1.00 setakat bulan Disember 2023.

Pengurusan Program

Pengurusan Kewangan

- Daripada RM64.41 juta peruntukan program, sebanyak RM54.99 juta (85.4%) telah dibelanjakan.
- Komitmen tuntutan subsidi bulanan bagi tahun 2023 sejumlah RM9.82 juta telah melebihi siling peruntukan.
- Subsidi terlebih bayar sejumlah RM3.07 juta disebabkan perbezaan jumlah penumpang dan kadar tambang asal serta jarak operasi sebenar BBH kurang daripada yang ditetapkan dalam syarat lesen.
- Sebuah bas beroperasi pada waktu bertindih di laluan yang berbeza menyebabkan tuntutan subsidi diragui.
- Kelewatan permohonan peruntukan tambahan dan peruntukan tidak mencukupi menyebabkan berlaku kelewatan pembayaran antara 40 hingga 427 hari.

Pelantikan Operator BBH

Surat tawaran bagi tahun 2021 hingga 2023 lewat disediakan dan dikeluarkan kepada operator BBH antara 59 hingga 221 hari.

Pentadbiran Perjanjian [terma operasi BBH tidak dipatuhi]

- 2 bas mengenakan tambang melebihi RM1.00 melibatkan laluan nombor K25.
- 10 bas tidak menyediakan perkhidmatan dalam kawasan atau laluan tertentu.

Pemantauan

Kertas cadangan dan laporan aktiviti turun padang bagi tahun 2021 tidak disediakan.

Syor Audit

1

MOTS hendaklah membuat penilaian terhadap pencapaian setiap objektif program yang ditetapkan termasuk kaedah pengukuran yang jelas.

2

MOTS hendaklah juga menetapkan kaedah pengiraan penumpang, membuat verifikasi dan memantau pergerakan operasi BBH.

3

Pengurusan kewangan hendaklah dipertingkatkan bagi memastikan peruntukan sentiasa mencukupi untuk membayar komitmen subsidi bulanan serta memastikan perancangan dibuat dengan rapi.

4

MOTS hendaklah mengutip balik subsidi terlebih bayar dan diragui daripada operator BBH berkenaan.

5

MOTS perlu memastikan surat tawaran baharu dikeluarkan kepada operator BBH sebelum tamat tempoh perjanjian lama untuk menjaga kepentingan Kerajaan.

6

MOTS hendaklah memastikan semua terma operasi BBH serta peraturan yang sedang berkuat kuasa dipatuhi sepenuhnya.

7

MOTS hendaklah menyediakan SOP bagi aktiviti pemantauan secara komprehensif untuk memastikan program diurus dengan cekap dan berkesan.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN SARAWAK

2. PENGURUSAN PROGRAM SUBSIDI TAMBANG BAS KADAR RATA RM1.00

ABSTRAK

Program Subsidi Tambang Bas Kadar Rata RM1.00 (Bas Tambang RM1.00) telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan mulai bulan Mei 2020 hingga 2025. Di bawah program ini, Kerajaan Negeri membayar subsidi kepada operator Bas Berhenti-henti (BBH) yang dilantik berdasarkan kaedah pengiraan yang ditetapkan. Melalui subsidi ini, penumpang hanya perlu membayar tambang bas RM1.00 bagi setiap perjalanan tanpa mengira jarak dan laluan. Objektif Program Bas Tambang RM1.00 adalah untuk mengurangkan beban kewangan penumpang bas harian; memulihkan perkhidmatan bas sedia ada yang kurang memberangsangkan di Sarawak dan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam di bandar bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas. Golongan sasaran adalah orang awam yang menggunakan pengangkutan awam darat di Sarawak.

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Program Bas Tambang RM1.00 dilaksanakan dengan ekonomik, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

Objektif Program Bas Tambang RM1.00 untuk mengurangkan beban kewangan penumpang bas harian tercapai manakala objektif memulihkan perkhidmatan bas sedia ada yang kurang memberangsangkan di Sarawak tidak tercapai sepenuhnya. Bagaimanapun, objektif untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas tidak dapat dinilai kerana tiada pengukuran serta penilaian dibuat oleh Kementerian Pengangkutan Sarawak. Selain itu, pengurusan program dari aspek pengurusan kewangan, pelantikan operator BBH, pentadbiran perjanjian dan pemantauan tidak selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa. Secara keseluruhannya, objektif program tidak tercapai sepenuhnya.


1. LATAR BELAKANG

1.1. Pelaksanaan program ini adalah selaras dengan objektif Dasar Pengangkutan Negara (2019 -2030) untuk menyediakan mobiliti yang inklusif dan memenuhi permintaan rakyat. Selain itu, ianya juga selaras dengan objektif Pelan Tindakan Strategik Kementerian Pengangkutan Sarawak (MOTS) 2020 - 2025 iaitu menyediakan sistem pengangkutan awam yang bersepadu, selamat, boleh dipercayai, berpatutan, cekap dan mesra alam. Selaras dengan objektif tersebut, Program Subsidi Tambang Bas Kadar Rata RM1.00 (Bas Tambang RM1.00) telah dikenal pasti sebagai pelan tindakan bagi strategi memanfaatkan penyelidikan dan pembangunan untuk menggalakkan dan membangunkan sektor pengangkutan.

1.2. Untuk mencapai Pelan Tindakan Strategik MOTS, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah meluluskan Program Bas Tambang RM1.00 pada 4 Mei 2020 dengan tempoh pelaksanaan mulai bulan Mei hingga Disember 2020. Pelaksanaan program ini telah disambung pada tahun 2021 setelah mendapat kelulusan MMKN pada 17 Disember 2020. Program ini diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2022 hingga

2025 setelah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dalam belanjawan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

1.3. Program Bas Tambang RM1.00 telah dilancarkan pada bulan Mei 2020 meliputi tiga bandar utama di Sarawak iaitu Kuching, Sibu dan Miri. Bagaimanapun, mulai Julai 2020 hingga Disember 2023, pelaksanaan program ini diperluaskan ke dua lagi bandar utama iaitu Sarikei dan Bintulu serta 13 bandar lain di Sarawak antaranya seperti Sri Aman, Simunjan, Bau, Sematan dan Sadong Jaya. Butiran lanjut seperti dalam **Peta 1**.



1.4. Sebanyak 12 operator BBH dilantik untuk melaksanakan Program Bas Tambang RM1.00 pada tahun 2020. Bagaimanapun, setakat 31 Disember 2023, hanya 10 operator BBH yang masih aktif beroperasi. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 1** dan **Jadual 2**.

JADUAL 1
BUTIRAN PROGRAM BAS TAMBANG RM1.00

BIL.	PERKARA	CATATAN
1.	Operator Bas	Sebanyak 12 operator BBH dilantik untuk melaksanakan Program Bas Tambang RM1.00 pada tahun 2020. Bagaimanapun, satu operator BBH telah berhenti operasi pada tahun 2021 manakala satu lagi tidak aktif beroperasi sejak bulan Disember 2022. Setakat 31 Disember 2023 sebanyak 10 operator BBH yang masih aktif beroperasi.
2.	Laluan Bas	Setakat 31 Disember 2023, sebanyak 59 laluan bas di negeri Sarawak diliputi dalam program ini.
3.	Tambang Bas	Penumpang membayar tambang bas RM1.00 untuk setiap perjalanan tanpa mengira jarak laluan.
4.	Bayaran Subsidi	Subsidi dibayar kepada operator BBH berdasarkan dua kaedah pengiraan yang ditetapkan seperti berikut:

BIL.	PERKARA	CATATAN
		- Jarak perjalanan sehingga 40km - Kadar subsidi dikira berdasarkan kadar tambang penuh yang diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak dan ditolak dengan tambang RM1.00. Formula pengiraan subsidi adalah berdasarkan [(kadar tambang penuh – RM1.00) x bilangan penumpang]. - Jarak perjalanan melebihi 40km - Jumlah subsidi dikurangkan kepada 70% daripada perbezaan antara tambang penuh dan tambang RM1.00. Formula pengiraan subsidi adalah berdasarkan [(kadar tambang penuh – RM1.00) x bilangan penumpang x 70%].
5.	Kekerapan Perjalanan BBH	Kekerapan perjalanan BBH bagi 59 laluan adalah antara tiga hingga 41 kali sehari seperti ditetapkan dalam Jadual Tambang BBH yang dilampirkan bersama lesen.

Sumber: MOTS

JADUAL 2
OPERATOR BBH DAN LALUAN BAS SETAKAT 31 DISEMBER 2023

BIL.	OPERATOR BBH	BANDAR	BILANGAN LALUAN
1.	237846-M	Kuching	5
2.	681528-V	Kuching Bintulu	15 4
3.	165238-M	Sibu	6
4.	99022-W	Sibu	3
5.	205575-M	Sibu	1
6.	92349-D	Sibu	4
7.	111499-M	Sarikei	6
8.	219766-M	Miri	3
9.	101376-M	Miri	5
10.	141966-U	Miri	7
JUMLAH			59

Sumber: Rekod Operator BBH MOTS

1.5. Program ini dilaksanakan oleh MOTS yang ditubuhkan pada 22 Ogos 2019. Sebelum penubuhan MOTS, pengangkutan adalah sebahagian daripada fungsi Kementerian Infrastruktur dan Pengangkutan Sarawak (MIDT), yang kini dikenali sebagai Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (MIPD).


1.6. Fungsi utama MOTS adalah untuk merangka dan melaksanakan dasar dan strategi mengenai pengangkutan darat dan sungai, logistik, maritim dan penerbangan. Selain itu, MOTS juga merancang, melaksana dan memantau program dan projek berkaitan pengangkutan darat dan sungai, logistik, maritim dan penerbangan di Sarawak.

1.7. MOTS adalah agensi pelaksana bagi Program Bas Tambang RM1.00 bertanggungjawab terhadap perancangan, kewangan, pelaksanaan dan pemantauan. Selain MOTS, dua agensi lain yang terlibat dalam pengurusan program ini adalah Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri (SFS) berfungsi menyalurkan peruntukan kewangan dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) Sarawak berperanan menyemak semula Kertas Cadangan kepada MMKN.

1.8. Program ini menyasarkan orang awam yang menggunakan perkhidmatan pengangkutan darat di Sarawak. Sejak pelancaran pada bulan Mei 2020 hingga Disember 2023, seramai 11.33 juta penumpang telah menggunakan Bas Tambang RM1.00. Setakat 31 Disember 2023, peruntukan sejumlah RM64.41 juta telah diterima dan sejumlah RM54.99 juta (85.4%) telah dibelanjakan.

1.9. Maklumat utama program seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1
MAKLUMAT UTAMA PROGRAM BAS TAMBANG RM1.00



Sumber: Kertas Cadangan kepada MMKN bagi Program Bas Tambang RM1.00

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Program Bas Tambang RM1.00 telah dilaksanakan dengan ekonomik, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan seperti berikut:

- mengurangkan beban kewangan penumpang bas harian;
- memulihkan perkhidmatan bas sedia ada yang kurang memberangsangkan di Sarawak; dan
- menggalakkan penggunaan pengangkutan awam di bandar bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu penilaian terhadap pencapaian objektif program dan pengurusan program yang meliputi empat perkara iaitu pengurusan kewangan, pelantikan operator BBH, pentadbiran perjanjian dan pemantauan program.

3.2. Pengauditan ini dijalankan di pejabat MOTS di Kuching, Sarawak. Skop pengauditan melibatkan 59 laluan di Bahagian Kuching, Samarahan, Serian, Sri Aman, Sarikei, Sibu, Mukah, Miri dan Bintulu yang meliputi tempoh bulan Mei 2020 hingga Disember 2023. Sebanyak lapan atau 80% daripada 10 operator BBH melibatkan 23 atau 39% daripada 59 laluan di Bahagian Kuching, Samarahan, Serian, Sri Aman, Sibu dan Miri telah dipilih sebagai sampel lawatan Audit. Pemilihan sampel adalah berdasarkan bilangan penumpang dan jarak laluan bas.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data berkaitan bilangan penumpang, bilangan laluan dan kekerapan perjalanan bas. Pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab turut dijalankan.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan antara bulan Julai 2023 hingga April 2024. Penemuan Audit serta maklum balas daripada MOTS telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 28 Mei 2024. Sebahagian daripada teguran Audit telah diambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan oleh MOTS. Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit adalah seperti berikut:

5.1. Prestasi Pencapaian Program

5.1.1. Sasaran Program

5.1.1.1. Bilangan Penumpang

- a. Pelan Tindakan Strategik MOTS (2020 - 2025) menetapkan sasaran peningkatan 10% bilangan penumpang tahunan bagi tempoh tahun 2020 hingga 2025.
- b. Semakan Audit mendapati sasaran peningkatan 10% bilangan penumpang telah tercapai bagi tempoh tahun 2021 hingga 2023 dengan peningkatan antara 28.3% hingga 125.4%. Mengikut Laporan Bulanan Operator BBH, bilangan penumpang direkodkan adalah seramai 1.11 juta pada tahun 2020. Jumlah ini meningkat kepada 2.51 juta pada tahun 2021 dan terus meningkat kepada 4.33 juta pada tahun 2023. Peningkatan bilangan penumpang adalah disebabkan kadar tambang bas yang murah ditawarkan kepada orang awam. Jumlah keseluruhan penumpang direkodkan pada tahun 2020 hingga 2023 adalah seramai 11.33 juta. Sasaran dan pencapaian peningkatan bilangan penumpang seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
SASARAN DAN PENCAPAIAN PENINGKATAN BILANGAN PENUMPANG

TAHUN	BILANGAN PENUMPANG (A)	PENINGKATAN BILANGAN PENUMPANG (B)	PERATUS PENINGKATAN (%)		CATATAN
			SASARAN	PENCAPAIAN (C) = (B)/(A)	
2020	1,113,146	-	-	-	-
2021	2,509,237	1,396,091	10	125.4	Tercapai
2022	3,375,135	865,898	10	34.5	Tercapai
2023	4,329,654	954,519	10	28.3	Tercapai

Sumber: Pelan Tindakan Strategik MOTS (2020 – 2025) dan Laporan Bulanan Operator BBH

Nota: B = Bilangan Penumpang Tahun Semasa - Bilangan Penumpang Tahun Sebelum
C = Peningkatan Bilangan Penumpang Tahun Semasa/Bilangan Penumpang Tahun Sebelum

- c. Analisis Audit mendapati Bahagian Kuching merekodkan bilangan penumpang tertinggi seramai 4.07 juta bagi tempoh bulan Mei 2020 hingga Disember 2023 diikuti oleh Bahagian Miri seramai 2.93 juta, Bahagian Sibu seramai 2.85 juta, Bahagian Sarikei seramai 1.11 juta dan Bahagian Bintulu seramai 0.36 juta. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 4** dan **Carta 1**.

JADUAL 4
BILANGAN PENUMPANG BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2023


BIL.	OPERATOR BBH	BILANGAN PENUMPANG				
		2020*	2021	2022	2023	JUMLAH
Kuching						
1.	681528-V	286,999	648,076	914,540	1,081,479	2,931,094
2.	237846-M	33,131	226,053	267,216	530,219	1,056,619
3.	144741-V	4,805	29,891	28,854	-	63,550
4.	99024-U	7,249	15,107	-	-	22,356
Jumlah Kecil		332,184	919,127	1,210,610	1,611,698	4,073,619
Miri						
5.	141966-U	61,879	107,020	147,846	275,200	591,945
6.	101376-M	193,028	434,347	487,603	481,945	1,596,923
7.	219766-M	88,962	236,170	189,226	228,619	742,977
Jumlah Kecil		343,869	777,537	824,675	985,764	2,931,845
Sibu						
8.	92349-D	77,136	123,344	141,814	146,386	488,680
9.	99022-W	74,482	177,738	358,698	534,391	1,145,309
10.	205575-M	2,079	5,550	11,019	30,553	49,201
11.	165238-M	173,266	351,985	320,989	322,046	1,168,286
Jumlah Kecil		326,963	658,617	832,520	1,033,376	2,851,476
Sarikei						
12.	111499-M	110,130	153,311	376,716	474,176	1,114,333
Bintulu						
13.	681528-V	-	645	130,614	224,640	355,899
JUMLAH BESAR (A)		1,113,146	2,509,237	3,375,135	4,329,654	11,327,172
JUMLAH PENINGKATAN PENUMPANG		-	1,396,091	865,898	954,519	3,216,508
PENINGKATAN (%)		-	125.4	34.5	28.3	28.4
JUMLAH PENUMPANG BERDASARKAN LAPORAN PENILAIAN PENUMPANG (B)		1,232,271	2,508,658	3,375,135	TM	7,116,064
PERBEZAAN (A) – (B)		(119,125)	579	-	TM	118,546

Sumber: Laporan Bulanan Operator BBH dan Laporan Penilaian Penumpang MOTS

Nota: (*) - Bulan Mei hingga Disember 2020

TM – Tiada Maklumat

CARTA 1
BILANGAN PENUMPANG BAGI BULAN MEI 2020 HINGGA DISEMBER 2023



Sumber: Laporan Bulanan Operator BBH

- d. Secara keseluruhan, peningkatan bilangan penumpang sebanyak 125.4% secara mendadak pada tahun 2021 manakala bagi tahun 2022, peningkatan sebanyak 34.5% dan tahun 2023 sebanyak 28.3%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PENINGKATAN DAN PENURUNAN BILANGAN PENUMPANG
BAGI TEMPOH BULAN MEI 2020 HINGGA DISEMBER 2023

BIL.	BAHAGIAN	TAHUN 2020*	TAHUN 2021		TAHUN 2022		TAHUN 2023		JUMLAH
		BILANGAN PENUMPANG	 %	BILANGAN PENUMPANG	 %	BILANGAN PENUMPANG	 %	BILANGAN PENUMPANG	
1.	Kuching	332,184	176.7	919,127	31.7	1,210,610	33.1	1,611,698	4,073,619
2.	Miri	343,869	126.1	777,537	6.1	824,675	19.5	985,764	2,931,845
3.	Sibu	326,963	101.4	658,617	26.4	832,520	24.1	1,033,376	2,851,476
4.	Sarikei	110,130	39.2	153,311	145.7	376,716	25.9	474,176	1,114,333
5.	Bintulu	-	-	645	-	130,614	72.0	224,640	355,899
JUMLAH BESAR		1,113,146	125.4	2,509,237	34.5	3,375,135	28.3	4,329,654	11,327,172

Sumber: Laporan Bulanan Operator BBH

Nota: (*) - Bulan Mei hingga Disember 2020



Peningkatan

Pendapat Audit | Sasaran program dari aspek peningkatan 10% bilangan penumpang setiap tahun adalah tercapai.

5.1.2. Prestasi Pencapaian Objektif

5.1.2.1. Mengurangkan Beban Kewangan Penumpang Bas Harian

- a. Di bawah program ini, Kerajaan Negeri melalui MOTS membayar subsidi kepada BBH dilantik berdasarkan kaedah pengiraan yang ditetapkan. Dengan adanya subsidi ini, penumpang hanya perlu membayar tambang bas RM1.00 bagi setiap perjalanan tanpa mengira jarak.
- b. Berdasarkan Kertas Cadangan kepada MMKN bagi sambungan Program Bas Tambang RM1.00 bertarikh 17 Disember 2020, salah satu objektif pelaksanaan program ini adalah untuk mengurangkan beban kewangan penumpang bas harian.
- c. Semakan Audit mendapati kadar tambang subsidi yang dibayar bagi 59 laluan adalah antara RM1.30 hingga RM23.84 berbanding dengan kadar tambang penuh antara RM2.30 hingga RM35.06. Kadar tambang selepas subsidi adalah RM1.00. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 6**.


JADUAL 6
KADAR TAMBANG PENUH BERBANDING TAMBANG SELEPAS SUBSIDI

JARAK LALUAN PERJALANAN (KM)	BILANGAN LALUAN PERJALANAN	KADAR TAMBANG PENUH (RM)	PENGIRAAN KADAR SUBSIDI	KADAR SUBSIDI (RM)	KADAR TAMBANG SELEPAS SUBSIDI (RM)
Jarak sehingga 40km	37	2.30 – 7.30	Kadar tambang penuh – RM1.00	1.30 – 6.30	1
Jarak melebihi 40km	22	7.80 – 35.06	(Kadar tambang penuh – RM1.00)x70%	4.76 – 23.84	1

Sumber: Laporan Bulanan Operator BBH

- d. Semakan Audit seterusnya mendapati bagi tempoh bulan Mei 2020 hingga Disember 2023, subsidi sejumlah RM54.99 juta telah dibayar kepada operator BBH. Subsidi ini dibayar untuk 59 laluan melibatkan jarak perjalanan sehingga 192km.
- e. Analisis Audit mendapati bayaran subsidi kepada operator BBH menunjukkan trend peningkatan bagi tahun 2020 hingga 2023. Peningkatan jumlah bayaran subsidi adalah disebabkan oleh peningkatan penumpang setiap tahun. Butiran lanjut seperti **Carta 2**.

CARTA 2
BAYARAN SUBSIDI
BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA 2023



Sumber: Laporan Bulanan MOTS

Pendapat Audit

Program Bas Tambang RM1.00 telah mencapai objektif yang ditetapkan iaitu mengurangkan beban kewangan penumpang bas harian berdasarkan pembayaran subsidi kepada operator BBH.


5.1.2.2. Memulihkan Perkhidmatan Bas Sedia Ada yang Kurang Memberangsangkan di Sarawak

- Menurut Kertas Cadangan kepada MMKN bagi sambungan Program Bas Tambang RM1.00 bertarikh 17 Disember 2020, objektif program adalah untuk memulihkan perkhidmatan bas sedia ada yang kurang memberangsangkan di Sarawak. Pencapaian objektif ini dinilai berdasarkan tiga perkara iaitu bilangan penumpang, bilangan laluan dan kekerapan perjalanan bas.
- Terma Rujukan Jawatankuasa Penilaian dan Pembayaran (JPP) MOTS, Perenggan 2(iii) menetapkan JPP MOTS bertanggungjawab untuk menyemak semula dan meluluskan arahan perubahan yang dicadangkan oleh operator BBH melibatkan aspek kewangan meliputi bilangan penumpang, bilangan laluan, kekerapan perjalanan bas.

a. Bilangan Penumpang

- i. Semakan Audit terhadap Laporan Bulanan Operator BBH dan rekod MOTS mendapati bilangan penumpang menunjukkan trend peningkatan penumpang setiap tahun bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023 iaitu 1.11 juta kepada 4.33 juta atau 290.1%. Peningkatan penumpang berlaku disebabkan oleh penambahan laluan, penambahan kekerapan perjalanan dan bilangan bas. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:
 - pada tahun 2021 - operator BBH beroperasi di 13 laluan baharu walaupun tiada penambahan operator BBH;
 - pada tahun 2022 - operator BBH menambah kekerapan perjalanan serta bilangan bas walaupun bilangan laluan menurun; dan
 - pada tahun 2023 - penambahan kekerapan perjalanan dan bilangan bas walaupun bilangan laluan menurun.
- ii. Butiran lanjut seperti dalam **Carta 3**.

CARTA 3
ANALISIS PENINGKATAN DAN PENURUNAN JUMLAH PENUMPANG
BERBANDING DENGAN BILANGAN OPERATOR BBH, LALUAN, BAS DAN
PURATA KEKERAPAN PERJALANAN HARIAN



Sumber: Laporan Bulanan Operator BBH dan rekod MOTs
 Nota: Tiada maklumat bilangan bas pada tahun 2020 dikemukakan

b. Bilangan Laluan


- i. Pada tahun 2021, bilangan laluan meningkat 24.5% kepada 66 berbanding 53 laluan pada tahun 2020. Bagaimanapun, bilangan laluan menunjukkan trend penurunan pada tahun 2022 hingga 2023. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 7** dan **Carta 3**.

JADUAL 7
BILANGAN LALUAN BAS SEBELUM
DAN SELEPAS PELAKSANAAN PROGRAM BAS TAMBANG RM1.00

BIL	OPERATOR BBH	SEBELUM	SELEPAS			
		MAC 2020	DISEMBER 2020	DISEMBER 2021	DISEMBER 2022	DISEMBER 2023
1.	99024-U	1	1	1	-	-
2.	681528-V	16	12	16	17	19
3.	237846-M	2	3	4	5	5
4.	144741-V	2	3	3	1	-
5.	92349-D	6	5	5	4	4
6.	99022-W	18	2	3	3	3
7.	205575-M	1	1	1	1	1
8.	165238-M	20	6	8	7	6
9.	111499-M	9	4	6	6	6
10.	141966-U	8	5	7	7	7
11.	101376-M	6	6	6	5	5
12.	219766-M	6	5	6	4	3
JUMLAH		95	53	66	60	59

Sumber: Kertas Cadangan kepada MMKN bagi Program Bas Tambang RM1.00 dan Laporan Bulanan Operator BBH

- ii. Analisis Audit mendapati pada tahun 2021 bilangan bas beroperasi di 66 laluan adalah sebanyak 115. Bagaimanapun, bilangan bas beroperasi pada tahun 2023 meningkat kepada 131 iaitu peningkatan 16 bas atau 13.9% berbanding tahun 2021 walaupun bilangan laluan menurun kepada 59. Peningkatan bilangan bas beroperasi adalah disebabkan oleh peningkatan kekerapan perjalanan bas. Butiran lanjut seperti dalam **Carta 4**.




Sumber: Kertas Cadangan kepada MMKN bagi Program Bas Tambang RM1.00 dan Laporan Bulanan Operator BBH

Nota: Tiada maklumat bilangan bas pada tahun 2020 dikemukakan

- iii. Semakan Audit mendapati maklumat bilangan laluan dinyatakan dalam Appendix 1 dalam Kertas Cadangan kepada MMKN bagi Program Bas Tambang RM1.00 bertarikh 13 Mac 2020 adalah sebanyak 95. Sehubungan itu, senarai 95 laluan digunakan sebagai asas analisis bilangan laluan dalam Program Bas Tambang RM1.00 berbanding dengan rekod senarai laluan MOTS pada bulan Mei 2020. Daripada analisis tersebut didapati sebanyak 43 laluan terlibat dalam program ini manakala bakinya 52 laluan tidak terlibat.
- iv. Sepanjang tempoh pelaksanaan program dari bulan Mei 2020 hingga Disember 2023 terdapat penambahan dan juga pengurangan laluan di Bahagian Kuching, Miri, Sibu dan Bintulu. Jumlah laluan yang masih aktif sehingga bulan Disember 2023 adalah sebanyak 59. Butiran lanjut seperti dalam **Rajah 2**.

RAJAH 2 PENAMBAHAN DAN PENGURANGAN LALUAN SELEPAS PELAKSANAAN PROGRAM BAS TAMBANG RM1.00



Sumber: Kertas Cadangan kepada MMKN bagi Program Bas Tambang RM1.00 bertarikh 13 Mac 2020 dan Laporan Bulanan Operator BBH

Maklum balas MOTS (15 dan 30 Mei 2024)

Berdasarkan cadangan penambahbaikan Program Bas Tambang RM1.00 yang diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak pada 21 Disember 2023, program ini hanya melibatkan laluan dalam lingkungan 40km dalam kawasan bandar untuk pelaksanaan projek bagi tahun 2024 hingga 2025. Selain itu, MOTS akan memberi input terhadap cadangan liputan jaringan untuk perkhidmatan BBH dan bas ekspres setelah kajian *Sarawak Integrated Transport Master Plan* selesai.

Maklum balas MOTS (16 Ogos 2024)

Satu mesyuarat telah diadakan bersama operator BBH mengenai model baharu Program Bas Tambang RM1.00 pada 26 Disember 2023. Mesyuarat ini bertujuan memaklumkan program sedia ada telah disemak semula dan hanya melibatkan laluan dalam lingkungan 40km dalam kawasan bandar disebabkan kekangan peruntukan kewangan untuk menampung kos yang tinggi. Pelaksanaan model ini telah dipersetujui oleh semua operator BBH berkuat kuasa 1 Januari 2024. Perkara ini juga telah dimaklumkan kepada *Sarawak Bus Transport Companies Association* (SBTCA) melalui surat bertarikh 25 April 2024.

c. Kekerapan Perjalanan Bas

- i. Berdasarkan Kertas Cadangan kepada MMKN bagi Program Bas Tambang RM1.00 bertarikh 13 Mac 2020, MOTS menetapkan bagi mencapai objektif program, operator BBH hendaklah menyediakan lebih banyak kekerapan perjalanan bas dan beroperasi mengikut jadual waktu perjalanan yang ditetapkan dengan tepat. Menurut Klausula 5.1 perjanjian Program Bas Tambang RM1.00, operator BBH hendaklah menyediakan perkhidmatan mengikut syarat yang ditetapkan oleh LPKP dari semasa ke semasa. Mengikut seksyen 19(1)(a)(iii), Akta 334 LPKP 1987, perkhidmatan BBH hendaklah dijalankan berdasarkan kekerapan yang ditetapkan.
- ii. Semakan Audit mendapati kekerapan perjalanan bas menunjukkan trend peningkatan setiap tahun bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023 iaitu 346 kepada 801 atau 131.5% seperti dalam **Carta 5**.

CARTA 5
PURATA KEKERAPAN PERJALANAN BAS HARIAN
DAN BILANGAN BAS BEROPERASI
BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA 2023



Sumber: Laporan Bulanan Operator BBH dan rekod MOTS

Nota: Tiada maklumat bilangan bas pada tahun 2020 dikemukakan

- iii. Semakan Audit terhadap rekod 59 laluan bagi bulan Disember 2023 mendapati BBH tidak beroperasi mengikut jadual waktu perjalanan yang ditetapkan di mana **ada perbezaan antara kekerapan perjalanan sebenar berbanding jadual waktu perjalanan operator BBH**. Perbezaan tersebut melibatkan 53 daripada 59 laluan atau 89.8% yang mana 27 laluan kurang kekerapan perjalanan antara satu hingga 19 kali sehari manakala 26 laluan melebihi kekerapan perjalanan yang ditetapkan antara satu hingga 34 kali sehari. Butiran lanjut seperti **Jadual 8**.

JADUAL 8
KEKERAPAN HARIAN PERJALANAN BBH SEBENAR BERBANDING KEKERAPAN
JADUAL WAKTU PERJALANAN OPERATOR BBH PADA BULAN DISEMBER 2023

BIL	OPERATOR BBH	NO. LALUAN	NAMA LALUAN	KEKERAPAN MENGIKUT JADUAL WAKTU PERJALANAN HARIAN OPERATOR BBH (A)	PURATA KEKERAPAN SEBENAR HARIAN MENGIKUT LAPORAN KEKERAPAN PERJALANAN MOTS (B)	PERBEZAAN KEKERAPAN LEBIHAN/ (KURANGAN) (B) – (A)
1.	681528-V	B2	Saujana – Bau	12	24	12
2.	681528-V	K3	Saujana - Simunjan	24	30	6
3.	681528-V	K5	Saujana - Desa Guru	10	19	9
4.	681528-V	K6	Saujana - Borneo Height	8	6	(2)
5.	681528-V	K7	Saujana - Kolong	23	34	11
6.	681528-V	K8	Saujana - Kampung Stutong Ulu	10	10	-
7.	681528-V	K10	Saujana - Sadong Jaya	8	15	7
8.	681528-V	K11	Saujana - King Centre	16	14	(2)
9.	681528-V	K12	Saujana - Sadong Jaya	4	8	4
10.	681528-V	K18	Saujana - Kampung Sina Budi	12	14	2
11.	681528-V	K21	Saujana - SM Agama Matang	10	16	6
12.	681528-V	K25	Saujana - Sri Aman	4	8	4
13.	681528-V	K26	Saujana - Sematan	4	8	4
14.	681528-V	S12	Saujana - Simunjan	6	8	2
15.	681528-V	S19	Saujana - Tebedu	6	3	(3)
16.	237846-M	6A	Kuching - Muara Tebas	8	8	-
17.	237846-M	3AC	Open Air Market - Serian (VIA Padungan dan Tabuan Jaya)	41	24	(17)
18.	237846-M	3AB	Open Air Market - Serian	Tidak beroperasi pada bulan Disember 2023		
19.	237846-M	1	Open Air Market - Muara Tebas (beroperasi hingga Bako)	24	9	(15)
20.	237846-M	10(A)	Kuching - Kampung Muara Tuang	12	0	(12)
21.	99022-W	1A/16	Stesen Bas Sibü - Rantau Panjang	30	64	34
22.	99022-W	11	Bus Terminal Sibü - Workshop Lanang	8	12	4
23.	99022-W	17	Stesen Bas Sibü – Sibü Jaya Klinik	10	22	12
24.	165238-M	1	Terminal Bas Sibü - STP	24	5	(19)
25.	165238-M	5A	Terminal Bas Sibü – Sibü Jaya	24	8	(16)
26.	165238-M	15A	Terminal Bas Sibü - Jalan Kem Bumimas	17	3	(14)
27.	165238-M	20	Terminal Bas Sibü - Stesen Bas Kanowit	4	2	(2)
28.	165238-M	23	Terminal Bas Sibü - Belawai	4	5	1
29.	165238-M	16	Bandar Mukah - Bandar Sibü	6	2	(4)
30.	205575-M	16	Bandar Mukah - Bandar Sibü	6	2	(4)
31.	92349-D	2	Terminal Bas Sibü - Ulu Bulat	6	2	(4)
32.	92349-D	4	Stesen Bas Sibü - Penghujung Pasai	8	3	(5)
33.	92349-D	6	Stesen Bas Sibü - Sungai Rantau Panjang	15	4	(11)

BIL	OPERATOR BBH	NO. LALUAN	NAMA LALUAN	KEKERAPAN MENGIKUT JADUAL WAKTU PERJALANAN HARIAN OPERATOR BBH (A)	PURATA KEKERAPAN SEBENAR HARIAN MENGIKUT LAPORAN KEKERAPAN PERJALANAN MOTS (B)	PERBEZAAN KEKERAPAN LEBIHAN/ (KURANGAN) (B) – (A)
34.	92349-D	7	Terminal Bas Sibu - Jalan Ulu Oya	3	1	(2)
35.	141966-U	62	Stesen Bas – Emart	14	8	(6)
36.	141966-U	50+26	Terminal Bas Miri – Taman Tunku	6	6	-
37.	141966-U	68	Stesen Bas – Tudan	6	8	2
38.	141966-U	66	Stesen Bas – Chung Huat Industries Desa Senadin	6	5	(1)
39.	141966-U	15	Stesen Bas – Sg. Rait	4	3	(1)
40.	141966-U	15+13	Stesen Bas - Kampung Siwak	Tidak beroperasi pada bulan Disember 2023		
41.	141966-U	37	Stesen Bas – Simpang Injil Borneo Pujut 3	4	3	(1)
42.	101376-M	62	Stesen Bas Pelita – Permyjaya	42	56	14
43.	101376-M	66	Stesen Bas Pelita – Senadin	18	48	30
44.	101376-M	26	Stesen Bas Pelita – Taman Tunku	36	24	(12)
45.	101376-M	68	Stesen Bas Pelita – Tudan	18	24	6
46.	101376-M	20+33	Stesen Bas Pelita – Hospital	8	32	24
47.	219766-M	26	Stesen Bas Pelita - Taman Tunku	36	24	(12)
48.	219766-M	68	Stesen Bas Pelita - Tudan	18	24	6
49.	219766-M	33+20	Stesen Bas Pelita - Hospital	8	32	24
50.	111499-M	8B	Stesen Bas Sarikei - Stesen Bas Sibu	34	18	(16)
51.	111499-M	6	Stesen Bas Sarikei - Jabatan Pakan	6	4	(2)
52.	111499-M	5	Stesen Bas Sarikei - Pasar Selalang	8	4	(4)
53.	111499-M	24	Stesen Bas Sarikei - Kabong	8	4	(4)
54.	111499-M	8A	Stesen Bas Bintangor - Stesen Bas Sibu	16	8	(8)
55.	111499-M	7	Stesen Bas Sarikei - Pasar Saratok	4	4	-
56.	681528-V	B10	Terminal Parkcity - Sg Pelan - Nyalau	3	30	27
57.	681528-V	B9	Terminal Parkcity - Tatau	3	12	9
58.	681528-V	B8	Terminal Parkcity - Jambatan Kuala Tatau	10	18	8
59.	681528-V	B5	Terminal Parkcity – Sungai Pelan	7	12	5

Sumber: Laporan Bulanan Operator BBH dan Laporan Kekerapan Perjalanan MOTS

- iv. Pihak Audit telah menjalankan pemeriksaan kekerapan pelepasan bas di Terminal Bas Sibu pada 24 Ogos 2023 bermula 7.00 pagi hingga 5.00 petang. Pemeriksaan ini dilakukan terhadap 11 laluan di kawasan Bahagian Sibu. Mengikut jadual waktu perjalanan, kekerapan bagi 11 laluan tersebut adalah antara empat hingga 30 kali sehari.

Bagaimanapun, hasil pemeriksaan Audit mendapati semua laluan kurang bilangan kekerapan antara satu hingga 18 kali sehari. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
KEKERAPAN BBH BERTOLAK SEHARI
BERBANDING DENGAN SEBENAR BEROPERASI DI BAHAGIAN SIBU

BIL.	NO. LALUAN	OPERATOR BBH	NAMA LALUAN	KEKERAPAN BAS BBH BERTOLAK SEHARI (BERDASARKAN JADUAL WAKTU PERJALANAN)	SEBENAR BEROPERASI SEHARI (PEMERIKSAAN AUDIT)	PERBEZAAN
1.	6	92349-D	Stesen Bas Sibu - Sungai Rantau Panjang	15	14	(1)
2.	2	92349-D	Terminal Bas Sibu - Ulu Bulat	6	1	(5)
3.	4	92349-D	Stesen Bas Sibu - Penghujung Pasai	8	1	(7)
4.	5A	165238-M	Terminal Bas Sibu – Sibu Jaya	24	10	(14)
5.	15A	165238-M	Terminal Bas Sibu - Jalan Kem Bumimas	17	7	(10)
6.	1	165238-M	Terminal Bas Sibu - STP	24	6	(18)
7.	20	165238-M	Terminal Bas Sibu - Stesen Bas Kanowit	4	3	(1)
8.	23	165238-M	Terminal Bas Sibu - Belawai	4	1	(3)
9.	1A/16	99022-W	Stesen Bas Sibu - Rantau Panjang	30	28	(2)
10.	11	99022-W	Bus Terminal Sibu - Workshop Lanang	8	5	(3)
11.	17	99022-W	Stesen Bas Sibu – Sibu Jaya Klinik	10	5	(5)

Sumber: Pemeriksaan Jabatan Audit Negara dan Jadual Waktu Perjalanan Operator BBH


Nota: Kekerapan bertolak adalah berdasarkan masa pemeriksaan Audit dibuat bermula pukul 7.00 pagi hingga 5.00 petang

- v. Semakan seterusnya mendapati lapan daripada 10 operator BBH aktif tidak mengemukakan Laporan Bulanan mengikut format yang ditetapkan iaitu tidak mengandungi masa mula dan tamat operasi setiap perjalanan. **Ketiadaan maklumat tersebut menyebabkan pihak MOTS tidak dapat memantau ketepatan masa bagi setiap perjalanan.**
- vi. Selain itu, berdasarkan 144 soal selidik yang diedarkan kepada penumpang bas antara bulan Ogos hingga September 2023 di Bahagian Kuching, Sibu dan Miri didapati seramai 32 atau 23% responden menyatakan perjalanan BBH tidak mengikut jadual waktu ditetapkan. Kesannya, memberi persepsi negatif dari segi kepercayaan dan kebergantungan penumpang terhadap perkhidmatan BBH kerana beroperasi tidak mengikut jadual waktu perjalanan ditetapkan.
- vii. Analisis Audit telah dibuat terhadap Jadual Waktu Perjalanan, Laporan Bulanan Operator Bas dan Laporan Purata Kekerapan Perjalanan Bas

Harian MOTS untuk menentukan keupayaan maksimum kekerapan perjalanan sehari. Bagi tujuan ini, sebanyak lapan laluan yang melebihi kekerapan perjalanan 30 kali sehari berdasarkan Laporan Purata Kekerapan Perjalanan Bas Harian MOTS telah dipilih sebagai sampel Audit. Anggaran pengiraan keupayaan maksimum kekerapan perjalanan sehari mengambil kira faktor berikut:

- bilangan bas beroperasi untuk setiap laluan;
- masa operasi ditetapkan dalam jadual waktu perjalanan bagi setiap laluan;
- masa perjalanan dari tempat permulaan hingga tempat penghabisan; dan
- anggaran kekerapan perjalanan dikira berdasarkan formula di **Rajah 3** dan **Jadual 10**.

RAJAH 3
FORMULA PENGIRAAN KEUPAYAAN MAKSIMUM
KEKERAPAN PERJALANAN SEHARI BAGI SETIAP LALUAN



Sumber: Laporan Bulanan Operator Bas dan Jadual Waktu Perjalanan

JADUAL 10
ANGGARAN PENGIRAAN KEUPAYAAN MAKSIMUM KEKERAPAN PERJALANAN SEHARI

BIL.	BAHAGIAN	OPERATOR BAS	NO LALUAN	PURATA BILANGAN BAS HARIAN BERDASARKAN LAPORAN BULANAN (A)			TEMPOH MASA PERJALANAN BAGI 1 TRIP (PERGI DAN BALIK) (B)	TEMPOH MASA OPERASI DITETAPKAN DALAM JADUAL WAKTU PERJALANAN (C)	MAKSIMUM KEKERAPAN PERJALANAN SEBUAH BAS BERUPAYA BEROPERASI SEHARI (D)=(C)/(B)	KEUPAYAAN MAKSIMUM KEKERAPAN PERJALANAN SEHARI (E)=(D)X(A)		
				2021	2022	2023				2021	2022	2023
1.	Kuching	681528-V	K3	5	6	7	4 jam	12 jam	3	15	18	21
2.	Kuching	681528-V	K7	2	2	2	1.34 jam	12 jam	9	18	18	18
3.	Bintulu	681528-V	B10	1	2	2	3 jam	3 jam	1	1	2	2
4.	Sibu	99022-W	1A/16	4	6	6	1.34 jam	12 jam	9	36	54	54
5.	Miri	101376-M	62	2	2	2	0.67 jam	14 jam	21	42	42	42
6.	Miri	101376-M	66	2	2	2	0.67 jam	13 jam	20	40	40	40
7.	Miri	101376-M	20+33	1	1	1	0.5 jam	12 jam	24	24	24	24
8.	Miri	219766-M	33+20	1	1	1	0.5 jam	12 jam	24	24	24	24

Sumber: Laporan Bulanan Operator Bas dan Jadual Waktu Perjalanan

viii. Analisis Audit berdasarkan formula di atas mendapati **purata perjalanan bas sebenar bagi tiga laluan telah melebihi keupayaan maksimum kekerapan perjalanan sehari antara tiga hingga tujuh kali** seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
PURATA KEKERAPAN PERJALANAN BAS SEBENAR
TELAH MELEBIHI KEUPAYAAN MAKSIMUM BEROPERASI DALAM SEHARI

BIL.	BAHAGIAN	OPERATOR BAS	NO. LALUAN	PURATA KEKERAPAN PERJALANAN BAS HARIAN SEBENAR BERDASARKAN LAPORAN BULANAN OPERATOR BAS			ANGGARAN KEUPAYAAN MAKSIMUM KEKERAPAN PERJALANAN SEHARI BERDASARKAN PENGIRAAN AUDIT			PURATA PERJALANAN BAS SEBENAR MELEBIHI KEUPAYAAN MAKSIMUM KEKERAPAN PERJALANAN SEHARI (C) = (A)-(B)		
				(A)			(B)					
				2021	2022	2023	2021	2022	2023	2021	2022	2023
1.	Kuching	681528-V	K3	20	23	24	15	18	21	5	5	3
2.	Kuching	681528-V	K7	22	23	23	18	18	18	6	4	5
3.	Bintulu	681528-V	B10	6	9	9	1	2	2	5	7	7
4.	Sibu	99022-W	1A/16	TM	32	37	36	54	54	TL	TL	TL
5.	Miri	101376-M	62	14	14	14	42	42	42	TL	TL	TL
6.	Miri	101376-M	66	12	12	11	40	40	40	TL	TL	TL
7.	Miri	101376-M	20+33	8	8	8	24	24	24	TL	TL	TL
8.	Miri	219766-M	33+20	8	8	8	24	24	24	TL	TL	TL

Sumber: Laporan Bulanan Operator Bas

Nota: TL – Tidak lebih keupayaan maksimum kekerapan perjalanan sehari

TM – Tiada Maklumat

Maklum balas MOTS (15 dan 30 Mei 2024)

MOTS akan mendapatkan penjelasan lanjut daripada operator BBH terhadap kurangan dan lebihan kekerapan perjalanan bas serta bas beroperasi melebihi keupayaan maksimum kekerapan perjalanan sehari antara 3 hingga 7 kali bagi laluan K3, K7 dan B10. Selain itu, pemeriksaan perkhidmatan bas akan dijalankan berdasarkan *Term Of Reference* (TOR) MOTS.

Maklum balas MOTS (16 Ogos 2024)

MOTS tidak mempunyai maklumat yang lengkap bagi semua kekerapan perjalanan untuk 59 laluan di bawah Program Bas Tambang RM1.00. Mesyuarat bersama LPKP pada 5 Ogos 2024 mengambil maklum bahawa operator BBH tidak memaklumkan perubahan laluan perjalanan dan jadual waktu operasi bas kepada MOTS dan LPKP. Sehubungan itu, MOTS akan bekerjasama dengan LPKP untuk mempertingkatkan perkhidmatan BBH. MOTS akan melaporkan sebarang ketidakpatuhan laluan perjalanan dan jadual waktu di bawah Akta 334 LPKP 1987 kepada LPKP.

MOTS mengakui Perjanjian Bas Tambang RM1.00 bagi tahun 2020 hingga 2023 tidak mengandungi klausa mengenai kekerapan maksimum perjalanan bas untuk tuntutan subsidi. Perkara ini telah menyebabkan berlaku perjalanan bas melebihi kapasiti kekerapan maksimum. Bagaimanapun, Perjanjian Bas Tambang RM1.00 pada tahun 2024 telah ditambah baik dengan memasukkan maklumat senarai laluan perjalanan dan struktur tambang yang mengandungi maklumat jadual tambang, jadual waktu dan kekerapan perjalanan bas. Ini adalah bagi mengelak ketidakpatuhan laluan perjalanan dan jadual waktu operasi bas.


Pendapat Audit	Objektif untuk memulihkan perkhidmatan bas sedia ada di Sarawak tidak tercapai sepenuhnya kerana bilangan laluan menunjukkan trend penurunan walaupun bilangan penumpang meningkat setiap tahun. Selain itu, operasi BBH yang tidak mengikut jadual waktu perjalanan ditetapkan boleh memberi persepsi negatif terhadap kepercayaan dan kebergantungan penumpang kepada perkhidmatan BBH.
-----------------------	--

5.1.2.3. Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam di bandar bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas

a. Kesesakan Lalu Lintas

- i. Berdasarkan Kertas Cadangan kepada MMKN bagi sambungan Program Bas Tambang RM1.00 bertarikh 17 Disember 2020, objektif program ini adalah untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam di bandar bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas.
- ii. Semakan Audit mendapati **tiada pengukuran serta penilaian dibuat oleh MOTS terhadap kesesakan lalu lintas** bagi 59 laluan diliputi untuk Program Bas Tambang RM1.00 setakat 31 Disember 2023. Berdasarkan Statistik Pengangkutan Malaysia Tahun 2022 mendapati hanya satu laluan iaitu Kuching - Serian yang mempunyai maklumat purata trafik harian. Bagaimanapun, analisis Audit berdasarkan trend statistik tersebut, laluan Kuching - Serian mendapati penurunan sebanyak 14.3% pada tahun 2021 berbanding 2020. Bagaimanapun purata trafik harian meningkat sebanyak 33.7% pada tahun 2022. Kesesakan lalu lintas di laluan lain tidak dapat dinilai kerana tiada maklumat. Butiran lanjut seperti dalam **Carta 6**.

CARTA 6
PURATA TRAFIK HARIAN BAGI LALUAN KUCHING KE SERIAN



Sumber: Laporan Statistik Pengangkutan Bagi Tahun 2019 hingga 2022, Kementerian Pengangkutan Malaysia

Maklum balas MOTS (15 dan 30 Mei 2024)

Tiada kaedah kuantitatif digunakan untuk mengukur pengurangan dalam kesesakan trafik. Dalam Pelan Tindakan Strategik MOTS bagi tahun 2024 hingga 2030, program subsidi tambang bas kadar rata RM1.00 merupakan salah satu program yang dapat mencapai inisiatif strategik MOTS iaitu menambah baik infrastruktur pengangkutan di mana menyokong pergerakan lancar barangan dan orang ramai yang menyumbang ke arah sasaran mengurangkan kesesakan trafik, pelepasan serta menyediakan pilihan pengangkutan yang berpatutan.

Pendapat Audit | **Objektif untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam di bandar bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas tidak dapat dinilai kerana tiada pengukuran serta penilaian oleh MOTS.**

5.2. Pengurusan Program

5.2.1. Pengurusan Kewangan

5.2.1.1. Prestasi Kewangan

- Klausa 4, Perjanjian Program Bas Tambang RM1.00 menetapkan Kerajaan akan membayar operator BBH pada masa dan kaedah yang ditetapkan melalui peruntukan kewangan.

- b. Bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023, MOTS telah menerima peruntukan mengurus dan pembangunan sejumlah RM64.41 juta untuk melaksanakan Program Bas Tambang RM1.00. Daripada peruntukan tersebut, sejumlah RM54.99 juta (85.4%) telah dibelanjakan. Ringkasan mengenai peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM BAS TAMBANG RM1.00
PADA TAHUN 2020 HINGGA 2023

TAHUN	SILING PERUNTUKAN (RM JUTA)	PERUNTUKAN DITERIMA (RM JUTA)		JUMLAH PERUNTUKAN DITERIMA (RM JUTA)	PERBELANJAAN PROGRAM TAMBANG BAS RM1.00 (RM JUTA)		JUMLAH PERBELANJAAN PROGRAM TAMBANG BAS RM1.00 (RM JUTA)	PERBELANJAAN BKSS (RM JUTA)	BAKI (RM JUTA)	PERATUS BELANJA (%)
		(A)	(B)	(C)=(A)+(B)	(D)	(E)	(F)=(D)+(E)	(G)	(H)=(C)-(F)-(G)	(F)/(C)
Perbelanjaan Mengurus										
2020	12.68	12.68	-	12.68	5.24	-	5.24	2.65	4.79	41.3
2021	10.00	10.00	-	10.00	10.00	-	10.00	-	0.00	100.0
JUMLAH	22.68	22.68		22.68	15.24	-	15.24	2.65	4.79	67.2
Perbelanjaan Pembangunan										
Kod Projek		P.31	P.29		P.31	P.29				
2022	10.00	10.00	-	10.00	10.00	-	10.00	-	0.00	100.0
2023	20.00	20.00	11.73	31.73	18.29	11.46	29.75	-	1.98	93.8
JUMLAH	30.00	30.00	11.73	41.73	28.29	11.46	39.75	-	1.98	95.3
JUMLAH KESELURUHAN	52.68	52.68	11.73	64.41	-	-	54.99	2.65	-	85.4
Komitmen tuntutan bulanan tahun 2023 *	-	-	-	-	9.82	-	-	-	-	-
JUMLAH TAHUN 2023	30.00	30.00	-	-	38.11	Lebihan komitmen RM8.11 juta masih belum mendapat kelulusan siling peruntukan tambahan				

Sumber: MOTS

Nota: Kod Projek: P.31 – Program Bas Tambang RM1.00

Kod Projek: P.29 – Projek Rakyat

(*) - Dua operator BBH: Bulan Ogos hingga Disember 2023 & Lapan operator BBH: Bulan September hingga Disember 2023

- c. Analisis Audit mendapati perbelanjaan menunjukkan trend peningkatan dari tahun 2020 sehingga tahun 2023. Pada tahun 2020, perbelanjaan untuk program ini adalah sejumlah RM5.24 juta dan meningkat kepada RM29.75 juta atau 467.7% pada tahun 2023. Peningkatan ini berlaku disebabkan peningkatan bilangan penumpang tahunan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 12**.

- d. Semakan Audit mendapati komitmen tuntutan subsidi bulanan bagi tahun 2023 sejumlah RM9.82 juta telah melebihi siling peruntukan. Komitmen ini melibatkan dua operator BBH untuk tuntutan subsidi bagi bulan Ogos hingga Disember 2023 dan lapan operator BBH bagi bulan September hingga Disember 2023. Bagaimanapun, didapati MOTS hanya mohon siling peruntukan tambahan daripada *State Development Executive Committee* (SDEC) pada 18 Mac 2024. Setakat bulan Jun 2024, MOTS masih belum mendapat kelulusan daripada SDEC, maka bayaran belum dapat dibuat kepada operator BBH. Perkara ini telah menyebabkan kelewatan pembayaran tuntutan subsidi bulanan antara 157 hingga 270 hari.
- e. Semakan Audit mendapati cadangan pelaksanaan Program Bas Tambang RM1.00 bagi tahun 2020 telah dibincang dan diluluskan oleh MMKN pada 5 Mei 2020. Peruntukan yang diterima adalah sejumlah RM12.68 juta pada tahun 2020 dan RM10 juta pada tahun 2021 setelah mendapat kelulusan MMKN pada 17 Disember 2020.
- f. Program ini telah disambung pelaksanaannya pada tahun 2022 setelah diluluskan dalam RMKe-12 di bawah peruntukan pembangunan dengan nilai skim RM50 juta dan siling peruntukan asal RM10 juta. Bagaimanapun peruntukan siling asal telah digunakan sepenuhnya pada 21 Julai 2022 untuk pembayaran tuntutan subsidi bagi bulan Januari hingga April 2022. Susulan itu, MOTS telah memohon peruntukan tambahan sejumlah RM11.73 juta pada 14 Disember 2022 di bawah Peruntukan Khas Projek Rakyat. Permohonan ini hanya dikemukakan kepada EPU Sarawak selepas lima bulan peruntukan asal digunakan sepenuhnya dan diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak pada 25 Januari 2023 serta diterima oleh MOTS pada 14 Februari 2023 dan 23 Mac 2023. Pembayaran tuntutan subsidi bagi **bulan Jun hingga Disember 2022 berjumlah RM11.46 juta** hanya dapat dibuat kepada operator BBH pada 15 Februari 2023 hingga 19 September 2023. Kesannya berlaku kelewatan pembayaran antara 227 hingga 427 hari.
- g. Pada tahun 2023, program ini diteruskan tanpa peruntukan selama enam bulan iaitu dari bulan Januari hingga Jun 2023 kerana siling peruntukan RM10 juta telah digunakan sepenuhnya pada tahun 2022. Semakan Audit mendapati pada 15 Mac 2023, MOTS memohon siling peruntukan tambahan semasa Kajian Separuh Penggal (KSP) RMKe-12 pada 15 Mac 2023 dan sejumlah RM20 juta diluluskan oleh EPU Sarawak pada 3 Julai 2023.

- h. Peruntukan tersebut diperoleh daripada RM15 juta di bawah Waran Pendahuluan Rizab Luar Jangka dan melalui pindah peruntukan RM5 juta dari Program perolehan *New Smart Buses*, Miri. Peruntukan ini telah diterima oleh MOTS pada 19 September 2023 dan digunakan untuk pembayaran tuntutan subsidi bagi bulan Januari hingga Jun 2023 sejumlah RM13.73 juta yang dibayar pada 19 dan 20 September 2023. Kesannya berlaku kelewatan pembayaran antara 40 hingga 204 hari.
- i. Secara keseluruhannya pihak Audit merumuskan, pengurusan kewangan yang tidak dibuat dengan rapi antaranya kelewatan permohonan peruntukan tambahan dan peruntukan tidak mencukupi menyebabkan berlaku kelewatan pembayaran antara 40 hingga 427 hari.

Maklum balas MOTS (30 Mei 2024)

Kelewatan permohonan peruntukan kerana Kajian Separuh Penggal RMKe-12 hanya diadakan pada bulan Jun 2023.

Maklum balas MOTS (16 Ogos 2024)

MOTS dimaklumkan secara lisan bahawa permohonan siling peruntukan tambahan bagi Program Bas Tambang RM1.00 telah diluluskan dalam mesyuarat SDEC pada 31 Julai 2024. Bagaimanapun, MOTS masih belum menerima kelulusan bertulis setakat 16 Ogos 2024.

Pendapat Audit

Perancangan dan pengurusan kewangan program yang tidak dibuat dengan rapi menyebabkan peruntukan tidak mencukupi dan berlaku kelewatan pembayaran subsidi. Di samping itu, perbelanjaan program tidak dapat dikawal kerana peningkatan penumpang menyebabkan komitmen tuntutan bulanan operator BBH melebihi siling peruntukan yang diluluskan.

5.2.1.2. Pengurusan Bayaran Subsidi

Pada tahun 2020 hingga 2023, sejumlah RM54.99 juta subsidi telah dibayar kepada 12 operator BBH melibatkan 295 baucar bayaran. Julat subsidi dibayar kepada operator bas adalah antara RM0.08 juta hingga RM20.38 juta dengan

purata RM4.58 juta. Bagaimanapun, tuntutan bulanan bagi tahun 2023 hanya dibayar sehingga bulan September 2023 kecuali dua operator BBH iaitu 681528-V dan 237846-M sehingga bulan Julai 2023. Aspek bayaran yang disemak meliputi tempoh mengemukakan tuntutan, tempoh bayaran dan ketepatan bayaran. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
BAYARAN TUNTUTAN SUBSIDI KEPADA OPERATOR BBH
BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA 2023

BIL.	OPERATOR BBH	BAHAGIAN	BILANGAN LALUAN SETAKAT DISEMBER 2023	PEMBAYARAN* (RM JUTA)				JUMLAH (RM JUTA)
				2020	2021	2022	2023	
1.	681528-V	Kuching + Bintulu	15 + 4	1.89	3.04	3.80	11.65	20.38
2.	165238-M	Sibu	6	0.70	1.59	1.23	3.44	6.96
3.	111499-M	Sarikei	6	0.71	0.84	1.22	4.33	7.10
4.	237846-M	Kuching	4	0.19	1.40	1.77	2.91	6.27
5.	99022-W	Sibu	3	0.36	0.77	0.66	3.33	5.12
6.	1013766-M	Miri	5	0.44	0.88	0.51	1.45	3.28
7.	92349-D	Sibu	4	0.45	0.58	0.31	0.79	2.13
8.	219766-M	Miri	3	0.26	0.43	0.22	0.53	1.44
9.	141966-U	Miri	6	0.15	0.22	0.16	0.56	1.09
10.	205575-M	Sibu	1	0.02	0.06	0.07	0.67	0.82
11.	144741-V	Kuching	0	0.04	0.14	0.05	0.09	0.32
12.	99024-U	Kuching	0	0.03	0.05	-	-	0.08
JUMLAH			57	5.24	10.00	10.00	29.75	54.99

Sumber: Baucar Bayaran

Nota: (*) - Pembayaran berdasarkan tarikh baucar bayaran

a. Subsidi Terlebih Bayar

- i. Klausula 4.1, Perjanjian Program Bas Tambang RM1.00 menetapkan subsidi dibayar kepada operator BBH berdasarkan dua kaedah pengiraan yang ditetapkan dalam perjanjian Program Bas Tambang RM1.00 seperti berikut.
 - Bagi jarak perjalanan sehingga 40km, kadar subsidi dikira berdasarkan kadar tambang penuh seperti ditetapkan dalam Jadual Tambang BBH dan ditolak dengan tambang RM1.00. Formula pengiraan subsidi adalah berdasarkan [(kadar tambang penuh – RM1.00) x bilangan penumpang].
 - Bagi jarak perjalanan melebihi 40km pula, jumlah subsidi dikurangkan kepada 70% daripada perbezaan antara tambang penuh dan tambang RM1.00. Formula pengiraan subsidi adalah berdasarkan [(kadar tambang penuh – RM1.00) x bilangan penumpang x 70%].

- ii. Pada tahun 2020 hingga 2023, peruntukan sejumlah RM64.41 juta telah dilulus dan diterima oleh MOTS. Setakat 31 Disember 2023, sejumlah RM54.99 juta (85.4%) telah dibelanjakan. Perbelanjaan ini melibatkan pembayaran subsidi kepada 12 operator BBH. Bagaimanapun satu operator BBH telah berhenti pada tahun 2021. Bilangan keseluruhan baucar yang disediakan adalah sebanyak 295. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 24 baucar (8.1%) sejumlah RM16.09 juta (29.3%) untuk tuntutan bagi tempoh Mac 2022 hingga Julai 2023 telah disemak sebagai sampel Audit untuk menentukan ketepatan pengiraan bayaran subsidi.
- iii. Arahan Perbendaharaan (AP) 99 (d) menetapkan bayaran bagi bekalan, perkhidmatan atau kerja hendaklah dibuat mengikut kadar atau harga kontrak yang dinyatakan mengikut terma dan syarat kontrak. Menurut perenggan Aktiviti 4: Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan dan Pelaksanaan Program Bas Tambang RM1.00 pula, JPP MOTS hendaklah membuat pertimbangan dan keputusan mengenai cadangan amaun bayaran subsidi kepada operator BBH.
- iv. Semakan Audit mendapati subsidi sejumlah RM8.43 juta telah dibayar berbanding yang sepatutnya RM5.36 juta iaitu terlebih RM3.07 juta. Bayaran ini dibuat selepas diluluskan oleh JPP MOTS. Perbezaan pengiraan melibatkan lapan operator BBH meliputi 40 laluan di Bahagian Kuching, Sibul, Miri dan Bintulu. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kadar subsidi yang dibayar tidak mengikut struktur tambang yang diluluskan dan perbezaan bilangan penumpang.
- v. Analisis Audit seterusnya mendapati perkara berikut.
 - Lapan operator bas melibatkan 31 laluan terlebih bayar subsidi sejumlah RM3.46 juta.
 - Enam operator bas melibatkan 21 laluan terkurang bayar subsidi sejumlah RM397,547.81.
 - Ada kes subsidi terlebih dan terkurang dibayar melibatkan operator BBH dan laluan yang sama. Butiran lanjut seperti **Jadual 14**.

JADUAL 14
RINGKASAN BAYARAN SUBSIDI TERLEBIH BAYAR
BAGI TEMPOH BULAN MAC 2022 HINGGA JULAI 2023

BIL.	OPERATOR BAS	JUMLAH SUBSIDI			CATATAN (BILANGAN LALUAN DAN SENARAI NOMBOR LALUAN TERLIBAT)
		DIBAYAR MOTS (RM)	SEPATUTNYA* (RM)	TERLEBIH/ (TERKURANG) (RM)	
Tahun 2022					
1.	681528-V	3,661,623.00	2,015,259.30	1,646,363.70	2 laluan: K3 dan S12
JUMLAH		3,661,623.00	2,015,259.30	1,646,363.70	
Tahun 2023					
1.	681528-V	3,275,291.45	1,958,204.37	1,317,087.08	9 laluan: K3, K8, K11, K12, K25, K26, B5, B10, dan S12
		124,576.34	125,169.06	(592.72)	3 laluan: K7, B9 dan K18
Jumlah Kecil		3,399,867.79	2,083,373.43	1,316,494.36	
2.	237846-M	496,695.15	252,749.70	243,945.45	2 laluan: 3AC dan 3AB
		108,496.80	357,020.35	(248,523.55)	4 laluan: 1, 6A, 3AB, 3AC
Jumlah Kecil		605,191.95	609,770.05	(4,578.10)	
3.	165238-M	137,461.52	116,763.50	20,698.02	2 laluan: 23 dan 16
		88,894.24	98,149.67	(9,255.43)	4 laluan: 1, 5A, 15A dan 20
Jumlah Kecil		226,355.76	214,913.17	11,442.59	
4.	141966-U	54,027.40	20,525.80	33,501.60	6 laluan: 37, 50+26, 62, 66, 15+13 dan 68
		19,328.20	24,615.20	(5,287.00)	6 laluan: 15, 37, 62, 66, 15+13 dan 68
Jumlah Kecil		73,355.60	45,141.00	28,214.60	
5.	101376-M	33,029.20	26,070.00	6,959.20	3 laluan: 26, 68 dan 20+33
		987.80	3,033.80	(2,046.00)	1 laluan: 68
Jumlah Kecil		34,017.00	29,103.80	4,913.20	
6.	219766-M	12,881.00	12,295.50	585.50	1 laluan: 68
Jumlah Kecil		12,881.00	12,295.50	585.50	
7.	99022-W	195,532.00	98,820.70	96,711.30	3 laluan: 11, 1A/16 dan 17
Jumlah Kecil		195,532.00	98,820.70	96,711.30	
8.	111499-M	151,855.66	53,496.10	98,359.56	3 laluan: 5, 6 dan 7
		67,242.84	199,085.95	(131,843.11)	3 laluan: 8A, 8B dan 24
Jumlah Kecil		219,098.50	252,582.05	(33,483.55)	BILANGAN LALUAN TERLEBIH BAYAR: 27 BILANGAN LALUAN TERKURANG BAYAR: 19
JUMLAH		4,766,299.60	3,345,999.70	1,420,299.90	-
JUMLAH KESELURUHAN		8,427,922.60	5,361,259.00	3,066,663.60	-
Jumlah Subsidi Terlebih Bayar Bagi 681528-V				2,962,858.06	-

Sumber: Baucaran Bayaran dan Laporan Bulanan Operator Bas


Nota: (*) - Berdasarkan Klausa 4.1, Perjanjian Program Bas Tambang RM1.00

vi. Analisis Audit selanjutnya mendapati subsidi terlebih bayar bagi dua laluan, iaitu K3 dan S12 seperti berikut.

- **Perbezaan nama bagi satu laluan iaitu K3.** Berdasarkan rekod MOTS, nama laluan bagi K3 adalah Saujana ke Gedong berbeza daripada nama yang diluluskan dalam struktur tambang iaitu Saujana ke Simunjan. Bagaimanapun, bas tersebut hanya beroperasi sehingga Gedong sahaja. Jarak perjalanan dari Saujana ke Gedong hanyalah 93km berbanding Saujana ke Simunjan 111km iaitu perbezaan 18km. Tuntutan subsidi yang dikemukakan oleh operator bas adalah menggunakan jarak 111km bagi laluan Saujana ke Simunjan.


- Bilangan penumpang bagi dua laluan dalam Laporan Bulanan Operator BBH seramai 220,694 berbanding rekod MOTS seramai 220,117 iaitu perbezaan 577.
- Jarak operasi sebenar BBH kurang daripada yang ditetapkan dalam Jadual Tambang BBH bagi dua laluan iaitu K3 sejauh 47km dan S12 adalah 78km. Perbezaan jarak menyebabkan kadar subsidi terlebih dibayar iaitu antara RM8.00 dan RM15.00 seperti **Rajah 4** dan **5**.
- Tiada verifikasi lapangan dijalankan untuk mengesahkan ketepatan jumlah dan perjalanan laluan bas sebenar. Selain itu MOTS tidak mempunyai sistem pengiraan penumpang untuk membuktikan bilangan penumpang sebenar yang menggunakan perkhidmatan BBH setiap hari.

RAJAH 4
K3 SAUJANA – SIMUNJAN



Sumber: Lesen BBH dan Laporan Tuntutan Bulanan Operator BBH
 Nota: TP - Tambang Penuh
 KS - Kadar Subsidi

RAJAH 5
S12 SAUJANA - SIMUNJAN



Sumber: Lesen BBH dan Laporan Tuntutan Bulanan Operator BBH
 Nota: TP - Tambang Penuh
 KS - Kadar Subsidi

- vii. Pembayaran subsidi dibuat mengikut kadar tambang penuh dan jarak maksimum diluluskan berbanding jarak operasi sebenar BBH yang kurang merupakan kerugian kepada Kerajaan sejumlah RM3.07 juta.

Maklum balas MOTS (30 Mei 2024 dan 16 Ogos 2024)

MOTS menjalankan Semakan Tiga Peringkat (*3-tiered checking*) terhadap laporan tuntutan subsidi bulanan bermula pada bulan Ogos 2023. Peringkat pertama melibatkan semakan dokumen *hardcopy* dan *softcopy* yang dikemukakan oleh operator BBH. Berdasarkan dokumen tersebut, data bilangan penumpang akan dimasukkan dalam senarai induk. Peringkat kedua pula melibatkan penjadualan data serta jumlah tuntutan subsidi mengikut operator BBH untuk dibentangkan kepada JPP MOTS bagi tujuan kelulusan pembayaran. Peringkat ketiga melibatkan semak

silang data jadual bilangan penumpang dan jumlah tuntutan subsidi setiap operator BBH dengan senarai induk. Semakan tersebut bertujuan mengesan sebarang perbezaan atau peningkatan dan corak yang tidak normal dalam tuntutan subsidi bulanan. Selain itu, MOTS akan menjalankan pemeriksaan bas berdasarkan SOP Pemeriksaan Kemudahan Pengangkutan Awam MOTS. Keputusan JPP MOTS terhadap tuntutan subsidi hanya akan dibuat selepas pengesahan data.

Maklum balas MOTS (16 Ogos 2024)

MOTS telah memaklumkan kepada operator BBH 681528-V melalui surat bertarikh 13 Ogos 2024 bahawa subsidi terlebih bayar akan diluluskan oleh JPP MOTS dan dipotong daripada tuntutan subsidi bulan Ogos 2023 hingga Disember 2025. Perbincangan dengan operator juga telah diadakan pada 14 Ogos 2024 mengenai isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara. Berdasarkan perbincangan tersebut, operator mengakui operasi bas sebenar bagi laluan K3 dan S12 tidak mengikut jarak laluan yang ditetapkan dalam lesen. Sehubungan itu, MOTS akan membuat pelarasan dan mengutip balik subsidi terlebih bayar melalui potongan daripada bayaran tuntutan subsidi pada tahun 2024 hingga 2025 selepas kelulusan oleh JPP MOTS. Bagaimanapun, isu subsidi terlebih bayar belum dimaklumkan kepada JPP MOTS setakat 12 Ogos 2024.

b. Tuntutan Bayaran Subsidi Oleh Operator BBH 92349-D Diragui

- i. Perenggan 102 (a), AP menetapkan tandatangan pegawai pengawal atau pegawai yang diberi kuasa adalah memperakui tentang betulnya setiap butir dalam baucar itu. Pegawai yang memperakukan baucar itu adalah bertanggungjawab bahawa perkhidmatan atau bekalan telah diterima dengan sempurna. Terma Rujukan JPP MOTS pula menyatakan:
 - Perenggan 3(i): urus setia JPP MOTS hendaklah memastikan kesahihan tuntutan oleh pembekal perkhidmatan.
 - Perenggan 3(ii): urus setia JPP MOTS memastikan laporan yang dikemukakan adalah teratur sebelum dibentangkan kepada JPP MOTS.
 - Perenggan 2(i): tuntutan yang dikemukakan hendaklah mengikut prosedur kewangan yang ditetapkan dalam terma dan syarat perjanjian program yang dilaksanakan oleh MOTS.
 - Perenggan 2(iv): meluluskan tuntutan untuk bayaran.

- ii. Operator BBH 92349-D telah mengemukakan tuntutan subsidi bagi laluan nombor 7 untuk bulan Januari 2021 hingga Disember 2023 bernilai RM24,777.90. Berdasarkan Laporan Bulanan Operator BBH didapati **sebuah bas dengan nombor pendaftaran QKW1166 beroperasi pada waktu yang bertindih di dua laluan yang berbeza** iaitu waktu 8:00 pagi hingga 5:00 petang bagi laluan nombor 6 (Stesen Bas Sibu – Jalan Rantau Panjang) dan waktu 6:00 pagi hingga 2:00 petang bagi laluan nombor 7 (Stesen Bas Sibu – Hospital Sibu).
- iii. Semakan terhadap lesen bas dengan nombor pendaftaran QKW1166 mendapati kawasan operasi diluluskan adalah di laluan nombor 4 (Stesen Bas Sibu – Penghujung Pasai) sahaja dan tiada syarat khas dibenarkan untuk menggantikan bas lain yang rosak. Bagaimanapun, bas tersebut telah digunakan untuk tuntutan bulanan bagi laluan nombor 6 dan 7. Butiran lanjut seperti **Jadual 15** dan **Rajah 6**.
- iv. Lawatan Audit pada 21 hingga 25 Ogos 2023 di Bahagian Sibu mengesahkan bas dengan nombor pendaftaran **QKW1166 beroperasi di laluan nombor 6 dan tidak mengikut kawasan operasi ditetapkan dalam lesen. Lawatan Audit juga mendapati tiada bas bagi operator BBH 92349-D beroperasi di laluan nombor 7.**
- v. Semakan Audit seterusnya juga mendapati bas dengan nombor pendaftaran QMS1535 tidak beroperasi di laluan nombor 7 yang ditetapkan dalam lesen dan hanya beroperasi di laluan nombor 4 bagi tempoh bulan Januari 2021 hingga Disember 2023.


JADUAL 15
BAYARAN SUBSIDI BAGI BAS DENGAN NOMBOR PENDAFTARAN QKW1166

TAHUN/BULAN		LALUAN NOMBOR 6			LALUAN NOMBOR 7		
		BILANGAN PENUMPANG	KADAR SUBSIDI (RM)	JUMLAH SUBSIDI (RM)	BILANGAN PENUMPANG	KADAR SUBSIDI (RM)	JUMLAH SUBSIDI (RM)
		(A)	(B)	(C) = (A) x (B)	(D)	(E)	(F) = (D) x (E)
2021	Januari - Oktober	14,053	5.30	74,480.90	3,904	2.10	8,198.40
	November - Disember	3,215	3.70	11,895.50			
Jumlah Kecil		17,268		86,376.4	3,904	2.10	8,198.40
2022		21,922	3.70	81,111.40	3,790	2.10	7,959.00
2023*		24,624	3.70	91,108.80	4,105	2.10	8,620.50
JUMLAH BESAR		63,814		258,596.60	11,799		24,777.90

Sumber: Baucar Bayaran MOTS dan Laporan Bulanan Operator BBH

Nota: (*) - Jumlah subsidi bagi bulan Oktober hingga Disember 2023 adalah berdasarkan tuntutan bulanan yang dikemukakan oleh Operator BBH 92349-D. Setakat bulan Jun 2024, bayaran belum dibuat kepada operator BBH 92349-D bagi tuntutan subsidi bulan Oktober hingga Disember 2023.

RAJAH 6
BAS DENGAN NOMBOR PENDAFTARAN QKW1166
BEROPERASI PADA WAKTU BERTINDIH DI LALUAN YANG BERBEZA



Sumber: Baucar Bayaran MOTS dan Laporan Bulanan Operator BBH

- vi. Semakan Audit seterusnya mendapati bayaran tuntutan subsidi bernilai RM24,773.70 bagi laluan nombor 7 telah diluluskan serta diperakukan oleh pegawai yang bertanggungjawab.
- vii. Bagaimanapun, pembayaran yang dibuat terhadap tuntutan tersebut adalah diragui kerana operator BBH 92349-D tidak beroperasi di laluan nombor 7. Pembayaran tuntutan tersebut adalah berdasarkan kepada laporan bulanan yang dikemukakan oleh operator BBH. Perkara ini berlaku disebabkan terma rujukan JPP MOTS sedia ada tidak mengandungi kaedah untuk mengesahkan maklumat tuntutan operator adalah tepat dan ini merupakan kerugian kepada Kerajaan sejumlah RM24,777.90.

Maklum balas MOTS (30 Mei 2024)

MOTS akan menyemak semula rekod daripada *masterlist* bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023 serta jadual waktu perjalanan dan kelulusan laluan nombor 6 dan 7 bagi operator 92349-D terutamanya bas dengan nombor pendaftaran QKW1166. Keputusan akan dibuat selepas pengesahan data serta keputusan daripada JPP MOTS terhadap bayaran diragui.

Maklum balas MOTS (16 Ogos 2024)

MOTS telah mengeluarkan surat kepada operator BBH 92349-D pada 27 Jun 2024 mengenai isu tuntutan subsidi bayaran diragui yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara. Maklum balas daripada operator BBH 92349-D bertarikh 4 Julai 2024 telah diterima oleh MOTS. Berdasarkan maklum balas tersebut, operator 92349-D mengakui tiada bas beroperasi di laluan nombor 7 kerana penumpang tidak ramai.

Sehubungan itu, MOTS akan membuat pelarasan dan mengutip balik bayaran subsidi diragui melalui potongan daripada tuntutan subsidi bulan Ogos 2023 hingga Disember 2025 selepas kelulusan oleh JPP MOTS. Perkara ini telah dimaklumkan kepada operator BBH 92349-D melalui surat bertarikh 13 Ogos 2024. Bagaimanapun, isu tuntutan subsidi bayaran diragui belum dimaklumkan kepada JPP MOTS setakat 12 Ogos 2024.

Pendapat Audit | **Pengurusan bayaran subsidi Program Bas Tambang RM1.00 adalah kurang memuaskan kerana berlaku subsidi terlebih bayar dan diragui.**

5.2.2. Pelantikan Operator BBH

- a. Perenggan 8, aktiviti 2 - pengurusan tawaran Program Bas Tambang RM1.00 kepada operator BBH, SOP Pengurusan dan Pelaksanaan Program Bas Tambang RM1.00 menyatakan MOTS hendaklah menyediakan surat tawaran untuk dikemukakan kepada operator BBH. Selepas penerimaan tawaran, operator BBH hendaklah menandatangani perjanjian Program Bas Tambang RM1.00.
- b. Semakan Audit mendapati MOTS telah menyediakan dan mengeluarkan surat tawaran kepada 12 operator BBH pada 16 dan 20 Mei 2020. Tawaran ini diterima oleh semua operator BBH dengan tempoh perjanjian mulai pada bulan Mei 2020 hingga 31 Disember 2020. Seterusnya bagi tahun 2021 hingga 2023, surat tawaran disediakan dan dikeluarkan serta perjanjian ditandatangani setiap tahun.
- c. Bagaimanapun, **surat tawaran bagi tahun 2021 hingga 2023 lewat disedia dan dikeluarkan kepada operator BBH antara 59 hingga 221 hari.** Perkara ini telah menyebabkan kelewatan penyediaan perjanjian. Semakan Audit seterusnya mendapati perjanjian bagi tahun 2022 hanya ditandatangani pada 18 April 2022 manakala perjanjian bagi tahun 2023 ditandatangani pada 4 Ogos 2023. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 16.**

JADUAL 16
SURAT TAWARAN LEWAT DIKELUARKAN KEPADA OPERATOR BBH

SURAT TAWARAN MELAYU DISELUARKAN KE ADA OPERATOR BBH

PERKARA	OPERATOR BBH											
	681528-V	237846-M	144741-V	99024-U	92349-D	99022-W	205575-M	165238-M	111499-M	141966-U	101376-M	219766-M
Tahun 2020												
Tarikh surat tawaran dikeluarkan	20.05.2020									16.05.2020	16.05.2020	
Tarikh tandatangan perjanjian	28.05.2020	03.06.2020		22.05.2020		24.05.2020	25.05.2020		27.05.2020	15.05.2020	16.05.2020	
Kelewatan surat tawaran dikeluarkan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Tahun 2021												
Tarikh surat tawaran sepatutnya dikeluarkan	sebelum atau pada 31 Disember 2020											
Tarikh surat tawaran sebenar dikeluarkan	01.03.2021											
Kelewatan surat tawaran dikeluarkan	59 hari											
Tarikh tandatangan perjanjian	01.01.2021											
Tahun 2022												
Tarikh surat tawaran sepatutnya dikeluarkan	sebelum atau pada 31 Disember 2021											
Tarikh surat tawaran dikeluarkan	09.03.2022			-	09.03.2022							
Kelewatan surat tawaran dikeluarkan	67 hari			-	67 hari							
Tarikh tandatangan perjanjian	18.04.2022			-	18.04.2022							
Tahun 2023												
Tarikh surat tawaran sepatutnya dikeluarkan	sebelum atau pada 31 Disember 2022											
Tarikh surat tawaran dikeluarkan	31.07.2023			-	31.07.2023							
Kelewatan surat tawaran dikeluarkan	221 hari			-	221 hari							
Tarikh tandatangan perjanjian	04.08.2023			-	04.08.2023							

Sumber: Surat Tawaran dan Perjanjian Program Bas Tambang RM1.00

- d. Kelewatan tandatangan perjanjian menyebabkan operator BBH beroperasi tanpa perjanjian ditandatangani.

Maklum balas MOTS (30 Mei 2024)

MOTS mengakui kelewatan pengeluaran surat tawaran dan menandatangani perjanjian bagi tahun 2021 hingga 2022. Namun kelewatan menandatangani perjanjian bagi tahun 2023 adalah disebabkan oleh kelewatan permohonan peruntukan tambahan untuk bayaran subsidi tertunggak dan penyambungan Program Subsidi Tambang Bas Kadar Rata RM1.00.

e. Penyertaan Operator BBH

- i. Analisis Audit mendapati operator BBH yang menyertai program menunjukkan trend penurunan daripada 12 pada tahun 2021 kepada 10 pada tahun 2023. Penurunan ini melibatkan satu operator BBH 144741-V tidak aktif beroperasi sejak bulan Disember 2022 disebabkan bas rosak. Baki satu operator BBH 99024-U telah berhenti operasi pada bulan Ogos 2021. Bagaimanapun, peningkatan bilangan penumpang secara berterusan sehingga tahun 2023 adalah disebabkan penambahan kekerapan perjalanan oleh operator BBH.
- ii. Analisis Audit seterusnya mendapati sebanyak 115 buah bas terlibat dalam program ini pada tahun 2021 dan meningkat kepada 131 pada tahun 2023. Peningkatan bilangan bas berlaku disebabkan oleh peningkatan kekerapan perjalanan dan bilangan penumpang. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 17, 18 dan Carta 7**.

JADUAL 17
JUMLAH OPERATOR DAN BILANGAN BBH BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2023

TAHUN	BILANGAN OPERATOR BBH					BILANGAN BBH BERDAFTAR				CATATAN
	MENYERTAI PROGRAM DAN AKTIF (A)	MENYERTAI PROGRAM TETAPI TIDAK AKTIF (B)	TIDAK MENYERTAI PROGRAM (C)	JUMLAH (D=A+B+C)	AKTIF (%) (A/D)	BEROPERASI UNTUK PROGRAM (E)	BEROPERASI BUKAN UNTUK PROGRAM (F)	BILANGAN KESELURUHAN BBH BERDAFTAR LPKP SARAWAK (G = E + F)	BEROPERASI (%) (E/G)	
2020	12	-	4	16	75.0	TM	TM	166	TM	-
2021	12	-	5	17	70.6	115	69	184	62.5	Satu operator BBH baharu berdaftar pada tahun 2021.
2022	11	-	5	16	68.8	126	64	190	66.3	Satu operator BBH berhenti operasi
2023	10	1	5	16	62.5	131	70	201	65.2	Satu operator BBH tidak aktif beroperasi.

Sumber: Laporan Bulanan Operator BBH

Nota: TM - Tiada Maklumat

JADUAL 18
JUMLAH BBH BEROPERASI DI BAWAH PROGRAM BAS TAMBANG RM1.00
PADA BULAN DISEMBER BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2023


PADA BULAN DISEMBER BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2023						
BIL	OPERATOR BBH	BILANGAN BBH BEROPERASI				Catatan
		DISEMBER 2020	DISEMBER 2021	DISEMBER 2022	DISEMBER 2023	
Kuching						
1.	681528-V	TM	26	29	31	-
2.	237846-M	TM	14	15	15	-
3.	144741-V	TM	1	-	-	Tidak aktif sejak bulan Disember 2022.
4.	99024-U	TM	-	-	-	Operator BBH berhenti operasi pada bulan Ogos 2021.
Sibu						
5.	92349-D	TM	7	7	7	-
6.	99022-W	TM	6	9	9	-
7.	205575-M	TM	1	2	2	-
8.	165238-M	TM	18	17	18	-
Sarikei						
9.	111499-M	TM	17	22	18	-

BIL	OPERATOR BBH	BILANGAN BBH BEROPERASI				Catatan
		DISEMBER 2020	DISEMBER 2021	DISEMBER 2022	DISEMBER 2023	
Miri						
10.	141966-U	TM	8	6	10	-
11.	101376-M	TM	9	7	8	-
12.	219766-M	TM	6	3	4	-
Bintulu						
13.	681528-V	TM	2	9	9	-
JUMLAH BESAR			115	126	131	

Sumber: Laporan Bulanan Operator BBH

Nota: TM – Tiada Maklumat

CARTA 7
BILANGAN OPERATOR BBH BEROPERASI DAN AKTIF
DALAM PROGRAM BAS TAMBANG RM1.00
BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA 2023



Sumber: Laporan Bulanan Operator BBH

- iii. Semakan Audit seterusnya mendapati lima operator BBH tidak ditawarkan penyertaan Program Bas Tambang RM1.00 oleh MOTS kerana operator BBH 0889156H menyediakan perkhidmatan bas hidrogen secara percuma pada tahun 2020 hingga 2025 melalui Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (MTCP). Operator BBH 1317630H hanya bermula beroperasi pada tahun 2023. Manakala MOTS tidak menyedari bahawa 1269752-D, 0138865H dan 007/96 juga merupakan operator BBH. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
SENARAI OPERATOR BBH
DI SARAWAK SETAKAT 31 DISEMBER 2023

BIL.	OPERATOR BBH	PENYERTAAN PROGRAM BAS TAMBANG RM1.00 YA(/) TIDAK(X)	CATATAN
1.	681528-V	/	-
2.	237846-M	/	-
3.	144741-V	/	Tidak aktif sejak bulan Disember 2022.
4.	99024-U	/	Berhenti operasi pada Ogos 2021.
5.	92349-D	/	-
6.	99022-W	/	-
7.	205575-M	/	-

BIL.	OPERATOR BBH	PENYERTAAN PROGRAM BAS TAMBANG RM1.00 YA(/) TIDAK(X)	CATATAN
8.	165238-M	/	-
9.	111499-M	/	-
10.	141966-U	/	-
11.	101376-M	/	-
12.	219766-M	/	-
13.	0889156H	X	Bas Hidrogen
14.	1317630H	X	-
15.	1269752-D	X	Bas Hidrogen
16.	0138865H	X	-
17.	007/96	X	-

Sumber: Senarai Operator BBH seluruh Sarawak

- iv. Menurut rekod LPKP Sarawak, sebanyak 201 buah bas berdaftar sebagai BBH. Daripada jumlah tersebut sebanyak, 131 buah bas beroperasi bagi program ini berdasarkan Laporan Bulanan Operator BBH. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
BILANGAN BBH BEROPERASI BAGI PROGRAM BAS TAMBANG RM1.00

BIL.	OPERATOR BBH	BILANGAN BBH AKTIF BAGI PROGRAM BAS TAMBANG RM1.00 (SETAKAT DISEMBER 2023)	BILANGAN BAS BBH BERDAFTAR LPKP SARAWAK (SETAKAT DISEMBER 2023)	CATATAN
1.	681528-V	40	59	-
2.	111499-M	18	19	-
3.	165238-M	18	26	-
4.	237846-M	15	19	-
5.	141966-U	10	15	-
6.	99022-W	9	8	-
7.	101376-M	8	18	-
8.	92349-D	7	11	-
9.	219766-M	4	10	-
10.	205575-M	2	2	-
11.	144741-V	-	-	Tidak aktif beroperasi sejak bulan Disember 2022. Lesen BBH telah tamat pada 9 April 2023 dan belum diperbaharui setakat 31 Disember 2023.
12.	99024-U	-	1	Berhenti operasi pada Ogos 2021.
13.	Operator BBH tidak menyertai Program Bas Tambang RM1.00		13	-
JUMLAH		131	201	

Sumber: Rekod LPKP Sarawak dan Laporan Bulanan Operator BBH

Maklum balas MOTS (15 dan 30 Mei 2024)

Berdasarkan pengesahan dengan SBTCA, operator BBH 99024-U tidak beroperasi lagi. Manakala operator BBH 144741-V tidak beroperasi pada tahun 2023 sebab bas rosak sejak bulan Januari hingga Disember 2023 berdasarkan notis bertulis daripada operator BBH.

Pendapat Audit	Pelantikan operator BBH adalah selaras dengan SOP yang ditetapkan. Bagaimanapun, surat tawaran bagi tahun 2021 hingga 2023 lewat dikeluarkan menyebabkan berlaku kelewatan penyediaan perjanjian. Selain itu, berlaku penurunan penyertaan operator BBH kerana pemberhentian operasi.
-----------------------	--

5.2.3. Pentadbiran Perjanjian

MOTS hendaklah memastikan pentadbiran perjanjian dilaksanakan berdasarkan peraturan yang ditetapkan termasuk memastikan terma dalam perjanjian adalah lengkap untuk menjaga kepentingan Kerajaan. Antara perkara yang dinyatakan dalam perjanjian adalah terma operasi BBH iaitu kadar tambang setiap perjalanan, operasi BBH, laporan bulanan dan jadual tambang. Semakan Audit terhadap aspek pentadbiran perjanjian mendapati perkara seperti berikut:

5.2.3.1. Terma Operasi BBH Tidak Dipatuhi

a. Kawalan operasi bas yang cekap penting bagi tujuan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti. Perkara yang disemak dalam operasi perkhidmatan BBH meliputi kadar tambang bas RM1.00 dikenakan bagi setiap perjalanan; jadual tambang, jadual waktu dan jadual perjalanan dipamerkan dalam bas; dan perkhidmatan dijalankan dalam kawasan atau laluan yang ditetapkan.

b. Semakan audit mendapati perkara berikut:


i. Penumpang Dikenakan Bayaran Tambang Melebihi RM1.00 Setiap Perjalanan

- Klausula B, Perjanjian Program Bas Tambang RM1.00 menetapkan operator BBH hendaklah memastikan setiap penumpang dikenakan

bayaran RM1.00 setiap perjalanan tanpa mengira jarak dan tempoh perjalanan perkhidmatan. Kadar tambang penuh bagi laluan K25 (Kuching – Sri Aman) adalah RM35.06.

- Lawatan Audit pada 5 dan 6 September 2023 mendapati penumpang bas 681528-V bagi laluan K25 (Kuching - Sri Aman) dikenakan bayaran tambang sebanyak RM13.00 setiap perjalanan dan bukan RM1.00 seperti ditetapkan dalam perjanjian melibatkan dua buah bas dengan nombor pendaftaran QAD8318 dan SAB3697P. Bas dengan nombor pendaftaran QAD8318 bertolak dari Boulevard Transit Point, Kuching ke Terminal Bas Sri Aman pada 5 September 2023 membawa dua penumpang. Manakala pada 6 September, didapati 32 penumpang menaiki bas dengan nombor pendaftaran SAB3697P bertolak dari Terminal Bas Sri Aman ke Boulevard Transit Point, Kuching. Jumlah tambang bas terlebih dikenakan kepada 34 penumpang adalah RM408 (34xRM12.00). Contoh tiket tambang bas RM13.00 dikenakan kepada penumpang seperti dalam **Gambar 1** hingga **3**.

GAMBAR 1



GAMBAR 2



Nombor Pendaftaran Bas QAD8318
- Tiket Tambang Bas RM13.00
(05.09.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



Nombor Pendaftaran Bas SAB3697P
- Tiket Tambang Bas RM13.00
(06.09.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Perkara ini berlaku disebabkan operator BBH tidak mempamerkan harga tambang RM1.00 pada bas bagi Program Bas Tambang RM1.00.
- Semakan Audit selanjutnya mendapati **681528-V melaporkan lebih bilangan penumpang seramai 22 orang di mana Laporan Bulanan Operator BBH menunjukkan 24 penumpang berbanding pemeriksaan Audit hanya dua penumpang seperti Gambar 4 dan 5.** Tuntutan lebih bilangan penumpang tersebut melibatkan bas dengan nombor pendaftaran QAD8318 bertolak dari Boulevard Transit Point, Kuching jam 8:00 pagi dan sampai di Terminal Bas Sri Aman jam 10.40 pagi pada 5 September 2023 bagi laluan nombor K25. Menurut pengiraan Audit, subsidi terlebih menuntut oleh operator BBH adalah sejumlah RM524.50.
- Perkara ini berlaku disebabkan MOTS tidak mempunyai sistem pengiraan penumpang untuk membuktikan bilangan penumpang sebenar yang menggunakan perkhidmatan BBH setiap hari.

GAMBAR 4



Nombor Pendaftaran Bas QAD8318
- Dua Penumpang termasuk Seorang Mengambil Gambar bagi Laluan Perjalanan Kuching ke Sri Aman pada Jam 8.00 pagi (05.09.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5



Nombor Pendaftaran Bas QAD8318
- Dua Penumpang bagi Laluan Perjalanan Kuching ke Sri Aman pada Jam 8.00 pagi (05.09.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Semakan Audit juga mendapati nombor siri tiket 0009537 dan 0009539 dikeluarkan kepada penumpang berbeza dengan nombor siri tiket 155635 hingga 155659 dinyatakan dalam Laporan Bulanan Operator BBH yang digunakan untuk tuntutan subsidi. Ringkasan pemeriksaan Audit dan tuntutan bulanan operator BBH seperti dalam **Rajah 7.**

RAJAH 7 PERBEZAAN PEMERIKSAAN AUDIT DENGAN TUNTUTAN BULANAN OPERATOR BBH

TARIKH/ MASA	OPERATOR BAS (681528-V) NOMBOR PENDAFTARAN BAS: QAD8318							
05.09.2023 Perjalanan Sebenar 8.00 pagi	PEMERIKSAAN AUDIT				TUNTUTAN BULANAN OPERATOR BBH			
	Bilangan Penumpang	Nombor Siri Tiket Dikeluarkan Kepda Penumpang	Kadar Tambang x Bilangan Penumpang	Tuntutan Subsidi*	Bilangan Penumpang	Nombor Siri Tiket	Kadar Tambang x Bilangan Penumpang	Tuntutan Subsidi*
	2	0009537 & 0009539	RM13.00x2= RM26.00	$[(RM35.06 - RM1.00) \times 2] \times 70\% = RM47.70$	24	155635 & 155659	RM1.00x2= RM2.00	$[(RM35.06 - RM1.00) \times 24] \times 70\% = RM572.20$
	Perbezaan bilangan penumpang				Perbezaan kadar tambang dikutip terhadap penumpang			
	Perbezaan tuntutan subsidi RM524.50							

Sumber: Lawatan Audit dan Tuntutan Bulanan Operator BBH

Nota: (*) - [(kadar tambang penuh – RM1.00) x bilangan penumpang x 70%].

- Penumpang yang dikenakan tambang bas RM13.00 tidak menikmati tambang bas kadar rata RM1.00 dan tuntutan lebih bilangan penumpang merupakan kerugian Kerajaan Negeri sejumlah RM524.50.

Maklum balas MOTS (30 Mei 2024)

MOTS mengakui kekurangan penguatkuasaan bagi operasi BBH harian dan pemantauan oleh pihak pengurusan operator BBH menyebabkan berlaku tambang bas berlebihan dikenakan kepada penumpang. Selain itu, ketiadaan sistem tiket digital untuk program ini menyebabkan berlaku percanggahan nombor siri tiket bas. MOTS akan menjalankan pemeriksaan perkhidmatan bas sebagai mekanisme pemantauan pematuhan operator bas dalam operasi perkhidmatan bas.

Maklum balas MOTS (16 Ogos 2024)

MOTS telah mengeluarkan surat kepada operator BBH 681528-V pada 18 Jun 2024 dan operator BBH tersebut mengakui mengutip tambang bas sejumlah RM13 daripada penumpang bagi laluan K25 sepanjang 192km untuk menampung kos bahan api yang tinggi. Sehubungan itu, MOTS akan membuat pelarasan dan mengutip balik subsidi terlebih tuntutan melalui potongan daripada tuntutan subsidi bulan Ogos 2023 hingga Disember 2025 selepas kelulusan oleh JPP MOTS. Perkara ini telah dimaklumkan kepada operator BBH 681528-V melalui surat bertariikh

13 Ogos 2024. Bagaimanapun, mulai 1 Januari 2024 laluan K25 telah dikeluarkan dari Program Bas Tambang RM1.00 kerana model baharu program ini hanya melibatkan laluan dalam lingkungan 40km dalam kawasan bandar. Selain itu, operator BBH juga memaklumkan pelekat tambang RM1.00 bagi dua buah bas dengan nombor pendaftaran QAD8318 dan SAB3697P telah usang dan tiada stok untuk penggantian.

ii. Operator BBH Tidak Menyediakan Perkhidmatan Dalam Kawasan Atau Laluan Ditetapkan

- Menurut Klausa 5.1 perjanjian Program Bas Tambang RM1.00, operator BBH hendaklah menyediakan perkhidmatan mengikut syarat yang ditetapkan oleh LPKP dari semasa ke semasa. Berdasarkan Seksyen 19(1)(a)(iii), Akta 334 LPKP 1987, perkhidmatan BBH hendaklah disediakan dalam kawasan atau laluan yang ditetapkan. Menurut syarat lesen BBH pula, perjalanan BBH hendaklah mengikut kawasan operasi yang diluluskan.
- Lawatan Audit pada 21 hingga 25 Ogos 2023 dan 5 hingga 8 September 2023 mendapati tiga operator BBH tidak beroperasi dalam kawasan atau laluan ditetapkan yang mana laluan perjalanan sebenar berbeza dengan syarat lesen, perkhidmatan dari tempat permulaan tidak sampai ke tempat penghabisan dan perkhidmatan BBH tidak bermula dari tempat yang ditetapkan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 21** dan **Peta 2** hingga **6**.


JADUAL 21
BBH TIDAK BEROPERASI DALAM KAWASAN ATAU LALUAN
YANG DITETAPKAN MENGIKUT SYARAT LESEN

BIL.	OPERATOR BBH	NO. PENDAFTARAN BAS	NO. LALUAN	KAWASAN OPERASI DILULUSKAN DALAM LESEN	KAWASAN OPERASI SEBENAR	CATATAN
Laluan perjalanan sebenar berbeza dengan syarat lesen						
1.	99022-W	QSL6956	17	Stesen Bas Sibü - Jalan Kem Bumimas	Stesen Bas - Klinik Sibü Jaya	-
2.	99022-W	QSB6936	1A/16	Stesen Bas Sibü - Rantau Panjang	Stesen Bas Sibü - Kampung Bahagia	-
3.	99022-W	QSS1256	1A/16	Miri - Batu Niah - Bintulu - Sibü - Sarikei - Sri Aman - Serian - Tebedu - Kuching *lesen bas ekspres	Stesen Bas Sibü - Rantau Panjang (<i>Forward Shipbuilding Enterprise Sdn. Bhd.</i> Sungai Maaw, Sungai Bidut Sibü Sarawak)	-
4.	92349-D	QMS1535	4	Terminal Bas Jalan Pahlawan - Hospital Baru Sibü dan berulang alik	Stesen Bas Sibü - Sg Aup	-

BIL.	OPERATOR BBH	NO. PENDAFTARAN BAS	NO. LALUAN	KAWASAN OPERASI DILULUSKAN DALAM LESEN	KAWASAN OPERASI SEBENAR	CATATAN
Perkhidmatan tidak sampai ke tempat penghabisan						
5.	92349-D	QKW1166	6	Terminal Bas - Penghujung Jalan Siong (46km)	Stesen Bas Sibu - Pasar Teku (8km)	- Perkhidmatan bas sebenar hanya sampai ke Pasar Teku dan tidak sampai ke tempat penghabisan Penghujung Jalan Siong seperti ditetapkan dalam lesen. - Bas beroperasi kurang 38km.
6.	681528-V	QAX4991	K21	Saujana - SM Agama Matang (24km)	Saujana - Sungai Cina (17.8km)	- Perkhidmatan bas sebenar hanya sampai ke Sungai Cina dan tidak sampai ke tempat penghabisan SM Agama Matang seperti ditetapkan dalam lesen. - Bas beroperasi kurang 6.2km. (Peta 2)
7.	681528-V	QAX2422	K12	Saujana - Sadong Jaya (68km)	Saujana - Asajaya (55.5km)	- Perkhidmatan bas sebenar hanya sampai ke Pekan Asajaya dan tidak sampai ke tempat penghabisan Pekan Sadong Jaya seperti ditetapkan dalam lesen. - Bas beroperasi kurang 12.5km. (Peta 3)
8.	681528-V	QAV2063	K3	Saujana - Simunjan (111km)	Saujana - Serian (59.8km)	- Perkhidmatan bas sebenar hanya sampai ke Serian dan tidak sampai ke tempat penghabisan Simunjan seperti ditetapkan dalam lesen. - Bas beroperasi kurang 51.2km. (Peta 4)
Perkhidmatan tidak bertolak dari tempat permulaan						
9.	681528-V	QAA9535A	S12	Saujana - Simunjan (111km)	Serian - Gedong (27.3km)	- Perjalanan perkhidmatan bas sebenar bermula dari Serian dan bukannya dari Saujana seperti ditetapkan dalam lesen. - Bas sebenar beroperasi kurang 83.7km. (Peta 5)
10.	681528-V	QTD8730	S19	Saujana - Tebedu Batas Malaysia Indonesia (90km)	Serian - Tebedu (44.6km)	- Perjalanan perkhidmatan bas sebenar bermula dari Serian dan bukannya dari Saujana seperti ditetapkan dalam lesen. - Bas sebenar beroperasi kurang 45.4km. (Peta 6)

Sumber: Lesen BBH dan Pemeriksaan Jabatan Audit Negara


PETA 2



Laluan Nombor K21 (Saujana - SM Agama Matang)
QAX4991

- Perkhidmatan Bas Sebenar Hanya Sampai ke Sungai Cina dan Tidak Sampai ke SM Agama Matang (05.09.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

PETA 3



Laluan Nombor K12 (Saujana - Sadong Jaya)
QAX2422

- Perkhidmatan Bas Sebenar Hanya Sampai ke Pekan Asajaya dan Tidak Sampai ke Pekan Sadong Jaya (07.09.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Saujana - Serian

Kuching

Saujana

Kota Sintosa

Kota Samarahan

Paduan

Sibu

Bintulu

Tengku Bepok

Serian

Tempat Permulaan

Tempat Penghabisan

Ride
59.8 km

Elev Gain
180 m

Time
1h 26m

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

A map showing the trail route from Serian to Gedong. The route is marked with an orange line. Key locations along the route include Serian, Kampung Sabel Emping, Kampung Sabelan, and Gedong. The map also shows a river and some forested areas. A legend indicates that green dots represent 'Tempat Permulaan' (Starting Point) and red dots represent 'Tempat Penghabisan' (Ending Point). Below the map, the following statistics are displayed:

Ride	Elevation	Time
27.3 km	184 m	38m 57s

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

[illegible]

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Lawatan Audit juga mendapati BBH tersebut tidak dilengkapi dengan *Global Positioning System* (GPS) untuk mengesan dan memantau pergerakan perjalanan bas. Bagaimanapun, bayaran tuntutan subsidi adalah berdasarkan jarak maksimum perjalanan tanpa mengambil kira jarak sebenar penumpang menaiki bas.

Maklum balas MOTS (30 Mei 2024)

MOTS mengakui terdapat operator BBH tidak mematuhi syarat lesen seperti beroperasi di luar laluan dan kawasan yang ditetapkan. Perkara ini berlaku disebabkan kekurangan penguatkuasaan terhadap pematuan syarat lesen dan

ketiadaan mekanisme pengesanan secara berterusan untuk memastikan operator BBH beroperasi mengikut laluan yang ditetapkan dalam lesen.

MOTS akan bekerjasama dengan LPKP Sarawak sebagai agensi yang meluluskan lesen untuk menangani isu ini. MOTS juga akan melaporkan kepada LPKP Sarawak secara bertulis mengenai ketidakpatuhan terhadap syarat lesen selepas pemeriksaan dijalankan. Selain itu, MOTS akan mengambil kira kriteria ini untuk dimasukkan dalam borang pemeriksaan bas.

Maklum balas MOTS (16 Ogos 2024)

Mesyuarat bersama LPKP pada 5 Ogos 2024 mengambil maklum bahawa operator BBH tidak memaklumkan perubahan laluan perjalanan dan jadual waktu operasi bas kepada MOTS dan LPKP. Sehubungan itu, MOTS telah mengeluarkan surat kepada tiga operator BBH (operator BBH 99022-W pada 18 Jun 2024; operator BBH 92349-D pada 27 Jun 2024; dan operator BBH 681528-V pada 18 Jun 2024). Surat ini adalah mengenai ketidakpatuhan syarat lesen melibatkan laluan perjalanan sebenar berbeza dengan syarat lesen; perkhidmatan tidak sampai ke tempat penghabisan; dan perkhidmatan tidak bertolak dari tempat permulaan.

MOTS juga telah mengadakan perbincangan bersama operator BBH 681528-V pada 14 Ogos 2024 mengenai perkhidmatan tidak sampai ke tempat penghabisan dan perkhidmatan tidak bertolak dari tempat permulaan. Hasil daripada perbincangan tersebut, operator BBH 681528-V mengakui bas beroperasi di laluan nombor K21, K12 dan K3 tidak sampai ke tempat penghabisan serta tidak bertolak dari tempat permulaan bagi laluan nombor S12 dan S19.

c. Ringkasan ketidakpatuhan terma operasi bas adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
OPERATOR BBH YANG TIDAK MEMATUHI TERMA PERJANJIAN DAN
SEKSYEN AKTA LPKP 1987

BIL	TERMA PERJANJIAN ATAU SEKSYEN AKTA LPKP 1987	OPERATOR BBH TERLIBAT	NO. PENDAFTARAN BBH TERLIBAT	CATATAN
1.	Klausu B Perjanjian Memastikan setiap penumpang dikenakan tambang RM1.00 setiap perjalanan tanpa mengira jarak dan tempoh masa perkhidmatan	681528-V	- QAD8318 - SAB3697P	Penumpang dikenakan tambang bas RM13.00 di laluan nombor K25 (Boulevard Kuching - Sri Aman).
2.	Seksyen 19(1)(a)(iii) Akta LPKP 1987 Perkhidmatan hendaklah dijalankan dalam kawasan atau laluan yang ditetapkan:	99022-W 99022-W 99022-W 92349-D 92349-D 681528-V 681528-V 681528-V	- QSL6956 - QSB6936 - QSS1256 - QMS1535 - QKW1166 - QAX4991 - QAX2422 - QAV2063	Laluan perjalanan sebenar berbeza dengan syarat lesen. Perkhidmatan dari tempat permulaan tidak sampai ke tempat penghabisan. Perkhidmatan bas dengan nombor pendaftaran QKW1166 dari tempat

BIL	TERMA PERJANJIAN ATAU SEKSYEN AKTA LPKP 1987	OPERATOR BBH TERLIBAT	NO. PENDAFTARAN BBH TERLIBAT	CATATAN
				permulaan, Stesen Bas Sibu tidak sampai ke tempat penghabisan, Penghujung Jalan Siong bagi laluan nombor 6. - Perkhidmatan bas dengan nombor pendaftaran QAX4991 dari tempat permulaan, Saujana Kuching tidak sampai ke tempat penghabisan, SM Agama Matang bagi laluan nombor K21. - Perkhidmatan bas dengan nombor pendaftaran QAX2422 dari tempat permulaan, Saujana Kuching tidak sampai ke tempat penghabisan, Sadong Jaya bagi laluan nombor K12. - Perkhidmatan bas dengan nombor pendaftaran QAV2063 dari tempat permulaan, Saujana Kuching tidak sampai ke tempat penghabisan, Simunjan bagi laluan nombor K3.
		681528-V 681528-V	- QAA9535A - QTD8730	- Perkhidmatan bas dengan nombor pendaftaran QAA9535A tidak sampai tempat penghabisan Simunjan dan tidak bermula dari tempat permulaan Saujana Kuching. - Perkhidmatan bas dengan nombor pendaftaran QTD8730 sampai ke tempat penghabisan Tebedu tetapi tidak bermula dari tempat permulaan Saujana Kuching.

Sumber: Lesen BBH dan Pemeriksaan Jabatan Audit Negara

Pendapat Audit | **Terma operasi BBH yang tidak dipatuhi sepenuhnya seperti ditetapkan dalam perjanjian yang selaras dengan Akta LPKP menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak terjaga.**

5.2.4. Pemantauan

Pemantauan hendaklah dijalankan secara komprehensif bagi memastikan program diurus dengan cekap dan berkesan. SOP Pengurusan dan Pelaksanaan Program Bas Tambang RM1.00 mengandungi dua perkara seperti berikut.

5.2.4.1. Aktiviti Turun Padang

- Perenggan Aktiviti 5 - Pemantauan dan Penilaian, SOP Pengurusan dan Pelaksanaan Program Bas Tambang RM1.00 menetapkan kertas cadangan aktiviti turun padang dan mekanisme pemantauan hendaklah disediakan dan mendapat kelulusan bertulis daripada Setiausaha Tetap (SUT) sebelum mengambil tindakan seperti yang dicadangkan.
- Semakan Audit mendapati sebanyak empat kertas cadangan aktiviti turun padang disediakan dua bagi tahun 2020, satu bagi tahun 2022 dan satu bagi

tahun 2023 dan diluluskan oleh SUT. Bagaimanapun, kertas cadangan aktiviti turun padang tidak disediakan bagi tahun 2021. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 23** dan **24**.

JADUAL 23
BILANGAN KERTAS CADANGAN AKTIVITI TURUN PADANG

PERKARA	TAHUN				JUMLAH
	2020	2021	2022	2023	
Bilangan kertas cadangan aktiviti turun padang	2	-	1	1	4
JUMLAH	2	-	1	1	4

Sumber: MOTS

JADUAL 24
PENYEDIAAN DAN KELULUSAN KERTAS CADANGAN AKTIVITI TURUN PADANG

BIL.	TAHUN	TARIKH PERMOHONAN KERTAS CADANGAN AKTIVITI TURUN PADANG	TARIKH KELULUSAN	TARIKH AKTIVITI TURUN PADANG	LOKASI AKTIVITI TURUN PADANG
1.	2020	04.09.2020	08.09.2020	09.09.2020 hingga 13.09.2020	Sibu dan Sarikei
2.	2020	04.09.2020	08.09.2020	17.09.2020 hingga 19.09.2020	Miri
3.	2022	19.10.2022	19.10.2022	21.10.2022 hingga 28.10.2022	Kuching, Sibu, Sarikei, Bintulu dan Miri
4.	2023	09.11.2023	10.11.2023	14.11.2023 hingga 24.11.2024	Kuching

Sumber: MOTS

- c. Semakan Audit mendapati SOP Pengurusan dan Pelaksanaan Program Bas Tambang RM1.00 tidak disediakan dengan komprehensif kerana tidak mengandungi senarai semak yang menyeluruh untuk tujuan pemantauan. SOP disediakan hanya melibatkan dua perkara iaitu aktiviti turun padang serta penyediaan laporan dan rekomendasi penambahbaikan. Senarai semak yang digunakan untuk menjalankan aktiviti turun padang perlu mengandungi maklumat lesen, kadar tambang bas yang dikenakan, kawasan atau laluan operasi bas, jadual waktu perjalanan, kekerapan perjalanan bas dan keadaan bas. Selain itu, ketiadaan kekerapan pemantauan dinyatakan dalam SOP menyebabkan aktiviti turun padang tidak dilaksanakan pada tahun 2021.
- d. Kelemahan SOP menyebabkan berlaku perkara seperti berikut.
 - i. BBH beroperasi tidak mengikut kelas yang ditetapkan dalam syarat lesen. Lawatan Audit pada 21 Ogos dan 7 September 2023 mendapati operator BBH 99022-W dan 237846-M melibatkan dua buah bas dengan nombor pendaftaran QSS1256 dan QAP6288 telah diluluskan kelas lesen sebagai bas ekspres. Bagaimanapun bas tersebut beroperasi sebagai BBH di dua

laluhan 17 (Stesen Bas Sibu - Klinik Sibu Jaya) dan 6A (Saujana - Muara Tebas).

- ii. Penumpang dikenakan bayaran tambang melebihi RM1.00 setiap perjalanan.
- iii. BBH tidak beroperasi dalam kawasan atau laluhan ditetapkan.
- iv. BBH beroperasi tidak mengikut jadual waktu perjalanan atau kekerapan yang ditetapkan.
- v. Bas tidak dijaga dalam keadaan baik dan boleh guna mengikut Seksyen 20 (1)(a), Akta 334 LPKP 1987. Lawatan Audit telah dijalankan pada 21 hingga 24 Ogos 2023 ke Sibu serta Miri dan pada 1 hingga 8 September 2023 di Kuching. Hasil lawatan mendapati **enam buah bas tidak dijaga dengan baik kerana tempat duduk bas rosak**. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 25** dan **Gambar 6** hingga **9**.

JADUAL 25
SENARAI BAS TIDAK DIJAGA DENGAN BAIK BERDASARKAN SAMPEL AUDIT

BIL.	OPERATOR BBH	NO. PENDAFTARAN BAS	NO. LALUAN	NAMA LALUAN BAS	TEMPAT DUDUK BAS ROSAK
Sibu					
1.	99022-W	QSB6936	1A/16	Stesen Bas Sibu - Rantau Panjang	/
2.	99022-W	QSL6836	1A/16	Stesen Bas Sibu - Rantau Panjang	/
Miri					
3.	141966-U	QMB2027	37	Stesen Bas – Simpang Injil Borneo Pujut 3	/
4.	219766-M	QMC1931	26	Stesen Bas Pelita - Taman Tunku	/
5.	219766-M	QMC1791	20+33	Stesen Bas Pelita - Hospital	/
6.	101376-M	QMF4959	62	Stesen Bas Pelita – Permyjaya	/

Sumber: Pemeriksaan Jabatan Audit Negara

GAMBAR 6



Nombor Pendaftaran Bas QSB6936
- Bingkai Tempat Duduk Rosak serta Berkarat di Bahagian Sibu (23.08.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 7



Nombor Pendaftaran Bas QSB6936
- Kusyen Tempat Duduk Rosak di Bahagian Sibu (21.08.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8



Nombor Pendaftaran Bas QSL6836
- Kusyen Tempat Duduk Rosak di Bahagian Sibu
(21.08.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 9



Nombor Pendaftaran Bas QSL6836
- Poket Penyimpanan Barang di Belakang Tempat
Duduk Rosak di Bahagian Sibu
(21.08.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- e. Berdasarkan 144 soal selidik yang diedarkan, seramai 13 responden atau 12% menyatakan bas dalam keadaan uzur dan kurang selesa.

Maklum balas MOTS (30 Mei 2024)

Kertas cadangan pemeriksaan telah dikemukakan kepada Setiausaha Tetap MOTS pada 9 November 2023 untuk menjalankan pemeriksaan pada bulan November 2023. Selain itu, SOP bagi Pemeriksaan Perkhidmatan Pengangkutan Awam telah dirangka pada 1 September 2023.

Maklum balas MOTS (16 Ogos 2024)

Mesyuarat bersama LPKP pada 5 Ogos 2024 memutuskan MOTS dan LPKP bekerjasama untuk mempertingkatkan perkhidmatan BBH. MOTS akan melaporkan sebarang ketidakpatuhan di bawah Akta 334 LPKP 1987 kepada LPKP.

5.2.4.2. Penyediaan Laporan dan Rekomendasi Penambahbaikan

- Perenggan Aktiviti 5 - Pemantauan dan Penilaian, SOP Pengurusan dan Pelaksanaan Program Bas Tambang RM1.00 menetapkan laporan dan cadangan penambahbaikan hendaklah disediakan selepas kembali daripada aktiviti turun padang.
- Semakan Audit mendapati sebanyak empat laporan telah disediakan bagi aktiviti turun padang pada tahun 2020, 2022 dan 2023 manakala tiada laporan disediakan bagi tahun 2021 kerana aktiviti turun padang tidak dilaksanakan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
LAPORAN AKTIVITI TURUN PADANG

BIL.	TARIKH AKTIVITI TURUN PADANG/ LAPORAN	RINGKASAN LAPORAN	KESIMPULAN DAN CADANGAN	TINDAKAN OLEH MOTS
Tahun 2020				
1.	09 - 13.09.2020/ 24.09.2020	- MOTS mencadangkan tambahan laluan bas baru. - Majlis Perbandaran Sibu (MPS) turut mencadangkan perluasan laluan bas yang memfokuskan kepada kawasan perumahan kos rendah terutamanya di Sibu Jaya, Kimuyang, Permai dan Taman Satria.	Merancang dan mengintegrasikan rancangan dengan MPS untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada industri pengangkutan di Sibu.	Kajian <i>Sarawak Integrated Transport Master Plan</i> yang sedang dijalankan oleh MOTS meliputi pemetaan laluan, penilaian terhadap liputan dan keluasan tanah sedia ada, kebolehcapaian serta jaringan dalam negeri untuk menangani perluasan laluan bas.
2.	16 - 19.09.2020/ 23.09.2020	- Kebanyakan penumpang menaiki bas di perhentian bertentangan selepas stesen bas dan turun di kawasan perumahan, dengan majoriti di kawasan perumahan kos rendah di sepanjang Jalan Dato Permaisuri dan Pasaraya E-mart. - Didapati juga pemandu bas berhenti secara rawak di tempat yang tiada perhentian bas dan menurunkan penumpang di pulau pemisah bulatan.	- Pemeriksaan dengan menaiki bas dalam jangka masa panjang diperlukan bagi mendapatkan analisis yang komprehensif tentang prestasi pengangkutan awam serta memahami arah datang dan tuju penumpang bas semasa. - Pemeriksaan setiap perhentian bas juga diperlukan untuk menilai keadaan sedia ada serta memberi ulasan mengenai kerja menaik taraf untuk melengkapkan kebolehcapaiannya dari satu tempat ke tempat yang lain	MOTS telah menjalankan pemeriksaan bas pada 14 hingga 24 November berdasarkan SOP baharu – <i>Inspection of Public Transport Facilities</i> yang telah digubal pada 1 September 2023. MOTS akan sentiasa menyemak keperluan untuk menambah baik borang pemeriksaan bas untuk pelaporan yang cekap.
Tahun 2022				
3.	20, 24 dan 25.10.2022/ 20.02.2023	- Semasa pemeriksaan, didapati bilangan penumpang harian yang tinggi bagi laluan Kuching - Serian bukan berdasarkan satu perjalanan tetapi empat perjalanan sehari. 100 penumpang penuh yang direkodkan untuk perjalanan berbeza adalah disebabkan oleh sistem tiket manual yang mencapai had cetakannya. - Siasatan mendapati pemandu bas bertanggungjawab untuk mengemas kini rekod penumpang harian. Walaupun ini membolehkan kemas kini dibuat secara nyata, ia menimbulkan kemungkinan data yang tidak konsisten dan kesilapan pada data.	- Mewujudkan prosedur penyimpanan rekod yang standard. - Melaksanakan pengauditan data secara berkala - Menubuhkan pengawal selia/agensi untuk pemantauan	- MOTS telah mengambil inisiatif untuk menambah baik sistem dalam talian dengan memperkenalkan pautan untuk mengemukakan tuntutan dalam talian yang mesra pengguna untuk menggantikan sistem lama mulai Mei 2024. - Tuntutan yang dikemukakan dalam talian telah ditambah baik untuk memastikan ketepatan, kecekapan, ketelusan dan rekod tuntutan subsidi yang sesuai. - MOTS sedang menjalankan kajian melalui perunding yang dilantik mengenai penubuhan Lembaga Pengangkutan Sarawak (STA) untuk mengawal selia dan melaksanakan hal berkaitan pengangkutan.
Tahun 2023				
4.	14 - 24.11.2023/ 10.01.2024	Penumpang dikenakan tambang bas RM2.00 bagi laluan K12.	Mengadakan sesi perbincangan dengan operator BBH untuk memaklumkan potongan 50% tuntutan subsidi bagi bulan November 2023.	MOTS akan membuat pelarasan dan mengutip balik subsidi terlebih bayar melalui potongan daripada tuntutan bulanan bagi tahun 2024 hingga 2025 selepas kelulusan oleh JPP MOTS.

Sumber: MOTS

Pendapat Audit	Pemantauan MOTS terhadap Program Bas Tambang RM1.00 adalah kurang berkesan kerana SOP yang disediakan tidak komprehensif menyebabkan berlaku ketidakpatuhan dalam pelaksanaan operasi BBH.
-----------------------	---

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan program ini berjaya mencapai objektifnya, MOTS hendaklah mengambil tindakan berikut:

6.1. MOTS hendaklah membuat penilaian terhadap pencapaian setiap objektif program yang ditetapkan termasuk kaedah pengukuran yang jelas;

6.2. MOTS hendaklah juga menetapkan kaedah pengiraan penumpang, membuat verifikasi dan memantau serta pergerakan operasi BBH;

6.3. Pengurusan kewangan hendaklah dipertingkatkan bagi memastikan peruntukan sentiasa mencukupi untuk membayar komitmen subsidi bulanan serta memastikan perancangan dibuat dengan rapi;

6.4. MOTS hendaklah mengutip balik subsidi terlebih bayar dan diragui daripada operator BBH berkenaan;

6.5. MOTS perlu memastikan surat tawaran baharu dikeluarkan kepada operator BBH sebelum tamat tempoh perjanjian lama untuk menjaga kepentingan Kerajaan;

6.6. MOTS hendaklah memastikan semua terma operasi BBH serta peraturan yang sedang berkuat kuasa dipatuhi sepenuhnya; dan

6.7. MOTS hendaklah menyediakan SOP bagi aktiviti pemantauan secara komprehensif untuk memastikan program diurus dengan cekap dan berkesan.